



PKP: Kerajaan beri kelonggaran



ISMAIL Sabri

PUTRAJAYA – Boleh makan di kedai mengikut keluasan meja dengan penjaraikan fizikal satu meter serta jumlah penumpang dibenarkan mengikut kapasiti kenderaan, merupakan antara kelonggaran baharu diputuskan kerajaan bagi kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kelonggaran itu berkuat kuasa 19 Februari lepas.

“Mengambil kira rayuan pelbagai pihak, kita longgarkan syarat-syarat ini. Bagaimanapun, saya nasihatkan supaya masyarakat membuat kawalan kendiri... kanak-kanak kecil dan warga emas tidak digalakkan untuk dibawa keluar,” katanya pada sidang media perkembangan PKP di sini hari ini.

PKP di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang telah dilanjutkan bermula esok hingga 4 Mac ini.

Berdasarkan SOP di kawasan PKP sebelum ini, hanya dua orang dibenarkan untuk satu meja di kedai makan dan hanya dua penumpang dibenarkan menaiki satu kenderaan.

Ismail Sabri juga berkata mesyuarat bersetuju mencadangkan agar upacara akad nikah di kawasan PKP dibenar dijalankan di pejabat agama dan masjid dengan kehadiran had maksimum 20 orang, tidak termasuk jurunukah serta saksi.

“Bagaimanapun, urusan akad nikah ini di bawah bidang kuasa pe-

han, ceramah dan aktiviti berkaitan mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE) masih tidak dibenarkan di kawasan PKPP dan PKPB, ia dibenarkan beroperasi pada had 50 peratus kehadiran peserta berdasarkan kapasiti premis serta mematuhi syarat penjaraikan fizikal satu meter.

Majlis rasmi dan tidak rasmi kerajaan serta swasta, dan majlis sosial seperti perkahwinan, pertunungan, resepsi, akikah, tahlil dan sambutan kelahiran di kawasan PKP masih tidak dibenarkan manakala di kawasan PKPB, ia dibenarkan dengan had kehadiran tetamu sebanyak 50 peratus mengikut kapasiti premis dan mematuhi penjaraikan fizikal, sementara di kawasan PKPP adalah dibenarkan dengan syarat ada penjaraikan fizikal.

“Bagi majlis perkahwinan di kawasan terbuka seperti di kampung contohnya, yang disyaratkan adalah mesti ada penjaraikan fizikal dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara termasuk memakai pelitup muka, menyediakan QR Code dan buku kehadiran tetamu,” katanya.

Berhubung aktiviti pelancongan dan kebudayaan, Ismail Sabri berkata aktiviti pelancongan seperti zoo, akuarium dan taman rekreasi di kawasan PKPB dan PKPP dibenarkan beroperasi pada kapasiti 50 peratus keluasan premis namun bagi kawasan PKP dan PKP Diperketatkan (PKPD),

aktiviti pelancongan keluar masuk di kawasan terbabit adalah tidak dibenarkan.

“Semua peniaga dinasihatkan merujuk laman sesawang Majlis Keselamatan Negara serta Kement-

erian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan pada dasarnya, banyak aktiviti di kawasan PKPB dan PKPP telah dibenarkan untuk dibuka,” katanya. - BERNAMA

Sesi persekolahan secara bersemuka bermula 1 Mac

KUALA LUMPUR - Sesi persekolahan secara bersemuka yang ditangguhkan sebelum ini susulan peningkatan kes COVID-19 akan bermula pada 1 Mac ini, kata Menteri Kanan Pendidikan Senator Datuk Dr Radzi Jidin.

Beliau berkata keputusan itu melibatkan murid prasekolah, Tahun Satu dan Tahun Dua, sementara untuk Tahun Tiga hingga Enam sesi akan bermula pada 8 Mac.

“Pelajar sekolah menengah di negeri Kumpulan A akan hadir ke sekolah pada 4 April manakala pelajar sekolah menengah di negeri Kumpulan B pada 5 April, iaitu selepas tamat sesi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020,” katanya pada sidang media, di sini pada 19 Januari lepas.

Beliau berkata keputusan membenarkan pelajar sekolah rendah untuk mengikuti sesi persekolahan lebih awal adalah bagi memberi ruang kepada murid dan guru menyesuaikan diri dengan suasana norma baru dan juga prosedur operasi standard (SOP) COVID-19.

Kumpulan A membabitkan sekolah di Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu manakala Kum-

pulan B melibatkan sekolah di Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pa-hang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, La-buan dan Putrajaya.

Beliau berkata takwim persekolahan adalah kekal seperti yang dikeluarkan sebelum ini.

“Tarikh pembukaan sekolah ini terpakai kepada semua sekolah kerajaan, sekolah swasta dan mana-mana institusi yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan (KPM).

“Bagi sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM pula, mereka juga disarankan mengikuti tarikh pembukaan sekolah yang ditetapkan dan mematuhi semua SOP yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata kolej vokasional pula akan dibuka pada 1 Mac manakala sekolah antarabangsa dan institusi pendidikan swasta kategori pusat termasuk pusat tuisyen akan dibuka pada 8 Mac.

Radzi dalam pada itu berkata sebarang perancangan KPM dibuat dengan teliti dan pendekatan diambil berdasarkan input serta maklum balas daripada semua pihak. - BERNAMA

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Datuk Md Rawi Mahmud dan Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (MAIM) Datuk Md Azhan Samat.

Dalam ucapannya, Sulaiman turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan majlis berkenaan khususnya kepada agensi-agensi Agama Islam Negeri Melaka.

Melaka Bermunajat Mohon negara kembali sejahtera

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI BENDAHARA – Dalam usaha memohon pertolongan Allah

SWT bagi diangkat wabak COVID-19 supaya negara dan negeri ini secara keseluruhannya kembali sejahtera, Kerajaan Melaka telah menganjur-

kan program Melakaku Bermunajat COVID-19 dan Imtihan bertempat di Kediaman Rasmi Ketua Menteri di Seri Bendahara, pada 18 Februari lepas.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, program tersebut turut diadakan secara serentak melalui platform dalam talian yang turut disertai sebanyak 41 buah masjid, dua surau, 20 madrasah tafhib dan 10 sekolah agama di seluruh negeri.

Jelasnya, platform digital dipilih bagi menjayakan program berkenaan memandangkan situasi semasa COVID-19 dalam negara masih di tahap membimbangkan.

“Disebabkan situasi semasa pandemik COVID-19 yang sangat membimbangkan, kerajaan negeri memilih platform digital sebagai langkah berjaga-jaga, selain mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikuatkuasakan untuk mengadakan program ini.

“Sungguhpun kita berada pada



SULAIMAN bersama jemaah yang hadir ketika menuaikan solat hajat dalam program Melakaku Bermunajat COVID-19 dan Imtihan bertempat di Kediaman Rasmi Ketua Menteri di Seri Bendahara, pada 18 Februari lepas.

WAKTU SOLAT						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.23 am	1.27 pm	4.43 pm	7.28 pm	8.37 pm
23 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.23 am	1.27 pm	4.43 pm	7.28 pm	8.37 pm
24 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.23 am	1.27 pm	4.42 pm	7.28 pm	8.37 pm
25 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.23 am	1.27 pm	4.42 pm	7.27 pm	8.37 pm
26 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.23 am	1.26 pm	4.41 pm	7.27 pm	8.37 pm
27 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.22 am	1.26 pm	4.41 pm	7.27 pm	8.37 pm
28 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.22 am	1.26 pm	4.40 pm	7.27 pm	8.36 pm

PKPB: Banyak kelonggaran, tapi bersyarat

Faiz Hasan

AYER KEROH – Beberapa syarat kelonggaran telah diputuskan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuatkuasa di Melaka bermula 19 Februari.

Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka, Mohd Nasrul Menhat berkata, kelonggaran di peringkat negeri kebanyakannya menyentuh mewujudkan pergerakan dalam daerah yang sama.

Katanya, pergerakan dalam daerah PKPB yang sama di negeri ini adalah dibenarkan, manakala pergerakan ke daerah atau kawasan PKPB lain, kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan ke kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Kita juga membenarkan bilangan penumpang dalam kenderaan persendirian mengikut

kapasiti kenderaan berbanding semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 hanya dua penumpang sahaja dalam sebuah kenderaan.

“Dalam tempoh PKPB ini kelonggaran juga diberikan kepada sektor perniagaan di negeri ini beroperasi dari jam 6 pagi hingga 12 tengah malam seperti pasar raya, pusat beli belah dan kedai runcit.

“Selain itu pelanggan diberi kebenaran untuk makan di dalam premis mengikut kapasiti meja dengan penjarakan fizikal satu meter,” katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Mengulas lanjut Mohd Nasrul berkata, pengajuran mesyuarat secara bersemuka dan keramaian turut dibenarkan dengan kapasiti 50 peratus kehadiran di dalam satu bilik atau tempat.

“Kita juga membenarkan semua aktiviti sukan dan rekreasi individu dan berpasukan bagi tujuan kesihatan, kecergasan, latihan, permainan atau perlawanan dan penganjuran kejohanan atau pertandingan tempatan tanpa penyokong dan di



MOHD Nasrul

dalam daerah sama,” katanya.

Biarpun beberapa syarat telah dilonggarkan MKN, namun pihaknya menegaskan beberapa garis panduan lain perlu dipatuhi agar tidak keliru dengan kelonggaran diberikan dan perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Jelasnya, beberapa aktiviti untuk sektor lain masih tidak dibenarkan beroperasi termasuk aktiviti hiburan yang menjalani-

kan kelab malam mahupun pub, konsert atau sebarang acara langsung dengan kehadiran penonton adalah dilarang.

“Bagaimanapun, bagi aktiviti panggung wayang dibenarkan hanya di zon hijau dalam kawasan PKPB yang dibenarkan sahaja.

“Bagi sektor pelancongan pula aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB di kawasan PKP dan PKPD adalah dilarang. Ia juga termasuk membabitkan pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada negara di nyatakan kerajaan,” katanya.

Bagi aktiviti di masjid dan surau dibenarkan dengan had kehadiran ditetapkan pihak berkuasa agama negeri.

“Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam dibenarkan dengan had kehadiran ditetapkan oleh Kementerian Perpaduan Negera dan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi rumah ibadat di Wilayah Persekutuan,” katanya.

Inti Pati Sidang media perkembangan terkini mengenai PKP, PKPB & PKPP oleh Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakub pada 18 Feb 2021



◆ Aktiviti 'dine-in' di semua kawasan PKP, PKPB dan PKPP dibenarkan mulai esok mengikut keluasan meja serta penjarakan fizikal satu meter.



◆ Kedai buku, jualan but kereta dibenarkan beroperasi di semua kawasan PKP, PKPB dan PKPP.



◆ Jumlah penumpang dibenarkan mengikut kapasiti tempat duduk di dalam kenderaan di semua kawasan PKP, PKPB dan PKPP mulai 19 Februari.

◆ Akad nikah di kawasan PKP dibenarkan di masjid dengan kehadiran maksimum 20 tetamu tidak termasuk jurunikah dan saksi.



◆ Aktiviti pelancongan termasuk zoo, taman tema dan taman rekreasi di kawasan PKPB dan PKPP dibenarkan beroperasi dengan 50 peratus kapasiti premis.



◆ Seminar, bengkel, kursus, persidangan, ceramah, dibenar di kawasan PKPB, PKPP pada kapasiti 50% premis, kawasan PKP masih dilarang.



◆ Majlis rasmi, tidak rasmi kerajaan, majlis sosial kawasan PKPP dibenar dengan penjarakan fizikal, kawasan PKPB berkapasiti 50% premis.

Solat fardu dan solat Jumaat ikut kapasiti

Farah Suhaiddah Othman

KERAJAAN Melaka membenarkan solat fardu dan solat Jumaat di semua surau dan masjid mengikut kapasiti ruang bangunan berkuatkuasa 19 Februari hingga 4 Mac.

Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil berkata, keputusan itu dibuat hasil pernyelaras antara agensi agama termasuk Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Jabatan Mufti negeri dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Katanya, SOP terbaru itu berkuat-

kuasa dalam prosedur operasi standard (SOP) terbaru Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuatkuasa bermula 19 Februari hingga 4 Mac depan.

“Kita menetapkan jumlah jemaah bagi solat fardu dan solat Jumaat mengikut kapasiti surau dan masjid dengan penjarakan sosial satu meter.

“Aktiviti rutin seperti kuliah Subuh, solat Dhuha, kuliah Maghrib dan tazkirah Jumaat serta kelas pengajian Al-Quran juga dibenarkan dengan kehadiran jemaah mengikut kapasiti masjid,” katanya ketika dihubungi



ABDUL Halim

Melaka Hari Ini pada 18 Februari lepas.

Mengulas lanjut, beliau berkata kanak-kanak berusia tujuh tahun ke atas juga dibenarkan menghadiri aktiviti surau dan masjid dalam tempoh berkenaan.

“Bagaimanapun program pengimaran atau majlis keagamaan berskala besar masih tidak dibenarkan dan jemputan penyeramah hanya dibenarkan dari negeri ini sahaja.

“Bagi jemaah warganegara asing, mereka tidak dibenarkan menghadiri aktiviti surau dan masjid manakala jamuan makan hanya dibenarkan secara berbungkus,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Halim mengingatkan jemaah sentiasa mengamalkan kebersihan ketika menjalani ibadah di negeri termasuk sentiasa membasuh tangan ketika menghadiri program keagamaan.



JUMLAH jemaah bagi solat fardu dan solat Jumaat mengikut kapasiti surau dan masjid dengan penjarakan sosial satu meter. Foto MR Azli

Terhad 1,000 pengunjung Zoo Melaka kembali beroperasi

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SELEPAS lebih sebulan ditutup susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, Zoo Melaka kini kembali dibuka kepada orang ramai bermula 19 Februari lepas.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Oth-

man berkata, pembukaan itu bagaimanapun dihadkan hanya kepada 1,000 pengunjung pada satu-satu masa, sekali gus mematuhi arahan kerajaan yang hanya membenarkan kapasiti 50 peratus pengunjung sahaja.

“Jadi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 4

Mac depan, Zoo Melaka hanya membenarkan 1,000 pengunjung sahaja berbanding 2,000 orang di kawasan seluas 20.23 hektar ini selain perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

“Bagaimanapun kita menjangkakan bilangan pengunjung masih rendah sepanjang tempoh ini berikutnya

sekatan rentas daerah dan negeri yang masih dilaksanakan,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Tambahnya, zoo berkenaan bagaimanapun hanya akan dibuka dari jam 9 pagi hingga 5 petang sahaja dan operasi Night Safari akan dihentikan buat sementara waktunya sehingga dimaklumkan kelak.

“Sebagai daya penarik kehadiran pengunjung khususnya rakyat di negeri ini, kami akan meneruskan tawaran diskaun 30 peratus bagi pembelian tiket secara dalam talian dan diskaun 10 peratus bagi anak Melaka,” ujarnya.

Dalam pada itu, Shadan turut berharap kerajaan mempertimbangkan kelonggaran bagi aktiviti rentas daerah bagi memberi peluang kepada rakyat negeri ini melepaskan tekanan sepanjang PKP 2.0 dengan membawa anak-anak melihat haiwan.

“Melaka ini negerinya kecil, jadi saya berharap kelonggaran itu diberikan dan saya difahamkan juga kerajaan negeri sedang memohon kelonggaran merentas daerah ini,” katanya lagi.



SHADAN memberikan makanan kepada zirafah ketika meninjau pengoperasian Zoo Melaka yang mula dibuka pada 19 Februari lepas.

Peniaga harap ada sinar pulihkan perniagaan

Farah Suhaidah Othman

MESKIPUN larangan rentas daerah dan negeri masih belum dibatalkan dalam PKPB, namun semangat peniaga sedikit pun tidak luntur untuk memulihkan ekonomi perniagaan masing-masing.

Pengusaha hotel, Muhammad Akram Abdullah, 36, berkata, industri penghotelan antara sektor yang paling terkesan dengan sehingga ada beberapa rakan perniagaannya yang mengusahakan perniagaan sama gulung tikar akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sering berubah-ubah sejak setahun lalu.

Katanya, ramai rakannya yang tidak berani mengambil risiko mengelakkan perniagaan itu berikutan pandemik COVID-19 mengambil masa lama untuk pulih.

“Bagi saya, PKP atau PKPB pada masa sekarang ini tidak ada beza kerana masih tidak boleh merentas daerah dan negeri namun saya bersyukur kerana banyak kelonggaran diberikan kepada perniagaan.

“Bagi sektor penghotelan, saya masih mengharapkan inilah (PKPB) peluang kita untuk membaik pulih perniagaan yang terjejas teruk akibat pandemik itu,” katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Akram berkata, sebagai peniaga, dia juga berharap kerajaan memandang serius untuk membantu perniagaan sektor penghotelan dari segi kewangan supaya



ASHWAD (kiri) memulakan semua perniagaan cuci kereta selepas hampir sebulan tidak beroperasi akibat PKP 2.0.

mengelakkan sektor itu menutup operasi.

“Kita mahu kerajaan bantu bukan secara sepenuhnya sebaliknya menyuntik sedikit modal kewangan bagi mengekalkan industri itu menjana ekonomi,” katanya.

Dalam pada itu, bagi pengusaha kedai mencuci kereta, Ashwad Abd Rahim, 29 berkata arahan PKPB yang diumumkan kerajaan benar-benar memberi kelebihan kepada mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup yang terjejas selepas sebulan tidak dibenarkan beroperasi.

“Sebelum ini dalam tempoh PKP 2.0

lebih 70 peratus hasil perniagaan jatuh kerana kami merupakan peniaga yang bergantung kepada sumber harian.

“Bagaimanapun, dengan pembukaan pelbagai sektor perniagaan termasuk kedai mencuci kereta, saya mengharapkan perkara ini (kebenaran operasi) adalah berpanjangan.

“Hari pertama dibenarkan beroperasi pada awal Februari lalu, pekerja saya bersemangat untuk kembali bekerja kerana selama tidak dibenarkan operasi, mereka hanya duduk di rumah tanpa diberi gaji,” katanya.

Perniagaan katering kembali ‘bernyawa’

PENGUMUMAN kerajaan membenarkan majlis perkahwinan di negeri-negeri yang dikuatkuasakan PKPB nyata memberi keleaan besar kepada pengusaha-pengusaha katering di negeri ini.

Bagi pemilik Bintang Katering yang bertapak di Pokok Mangga, Malim, Mohd Eszahar Mansor 36, pihaknya kini sudah mampu tersenyum apabila mula menerima tempahan bertalu-talu daripada orang ramai yang ingin mengadakan majlis perkahwinan dalam tempoh terdekat.

Bagaimanapun, pihaknya tidak akan mengambil pendekatan terburu-buru untuk menerima tempahan, sebaliknya akan menunggu pengumuman rasmi prosedur operasi standard (SOP) oleh pihak kerajaan sebelum mulakan kembali perniagaan.

“Sejak 16 Februari lepas, kita menerima kira-kira lima panggilan, malah ada yang mahu mengadakan majlis dalam masa terdekat, namun sehingga kini masih belum tahu berapa ramai yang dibolehkan,” katanya.

Bercerita tentang pengalaman ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu, pemilik lima dewan perkahwinan di seluruh Melaka itu berkata, pernah suatu ketika dirinya hampir putus asa dan berhasrat menutup perniagaan apabila tidak dapat beroperasi dalam tempoh tiga bulan.

Ujarnya, dengan kos bulanan mencecah lebih RM100,000 termasuk gaji 40 orang pekerja tetap dan sewaan dewan, bukan mudahnya untuknya bertahan,

namun berkat sokongan semua pihak, dia kini mampu berdiri semula terutama apabila mempelbagaikan strategi perniagaan.

“Sejak 16 Februari lepas, kita menerima kira-kira lima panggilan, malah ada yang mahu mengadakan majlis dalam masa terdekat, namun sehingga kini masih belum tahu berapa ramai yang dibolehkan.”

Mohd Eszahar Mansor 36,



MOHD ESZAHAR

Nada keleaan sama turut disuarakan seorang lagi pengusaha katering yang bertapak di Ayer Molek, Liza Bebrahim, 47.

Pemilik BB Berkat Enterprise yang mengusahakan perniagaan berkenna bersama keluarganya dan kumpulan ibu tunggal itu lega apabila Melaka menjadi antara negeri yang dilonggarkan kepada PKPB sekali gus membolehkan majlis perkahwinan diadakan dengan had kehadiran 50 peratus kapasiti tempat.

Jelasnya, sejak PKP dilaksanakan sebelum ini, ramai dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja dengannya hilang mata pencarian apabila perniagaan tidak dapat dijalankan.

“Ada ibu tunggal yang mengeluh tidak dapat membeli makanan untuk anak kerana sudah tiada pendapatan bulanan sepanjang PKP. Tepati apa yang saya boleh buat ialah membantu setakat yang mampu dan memberikan sokongan moral kepada mereka.

“Jadi, apabila diumumkan majlis perkahwinan boleh dilaksanakan semula, memang saya dan pekerja lega kerana inilah peluang untuk kami kembali jana pendapatan dan bergerak ke hadapan,” katanya.

COVID-19: Kita masih belum menang - Rahmad



RAHMAD

SERI NEGERI – Ketetapan kerajaan yang mengekalkan larangan rentas daerah dan negeri termasuk dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah keputusan tepat bagi mengurangkan kes positif COVID-19 di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah Melaka, Datuk Rahmad Mariman berkata, meskipun negeri ini merekodkan penurunan kes jangkitan COVID-19 dalam tempoh tiga hari berturut-turut sejak 14 Februari lalu, namun kerajaan negeri mengharapkan rakyat terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) terbaru itu.

Katanya, ia penting bagi memastikan kadar jangkitan berada pada tahap terkawal sekali gus memastikan Melaka kembali menjadi zon hijau.

"Walaupun PKPB, namun SOP tidak boleh merentas daerah dan negeri adalah kaedah terbaik buat masa ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada rakyat negeri ini yang memberikan kerjasama dan patuh kepada arahan ditetapkan Majlis Keselamatan Ne-

“ Walaupun PKPB, namun SOP tidak boleh merentas daerah dan negeri adalah kaedah terbaik buat masa ini ”

gara (MKN).

"Bagaimanapun, kita masih belum menang dan kerajaan negeri mengharapkan rakyat memahami ketetapan SOP baharu itu serta memberikan kerjasama.

"Saya mohon rakyat bersabar dan bertahan dalam tempoh PKPB ini," katanya.

COVID-19 #KitaMestiMenang

5 TAHAP JANGKITAN COVID-19

1 Tidak menunjukkan sebarang gejala

2 Bergejala ringan, tiada radang paru-paru

3 Bergejala, mengalami radang paru-paru

4 Bergejala, mengalami radang paru-paru yang memerlukan bantuan oksigen

5 Bergejala kritikal, memerlukan rawatan intensif di Unit Rawatan Rapi (ICU)

MYHEALTHKKM

SCAN ME

Bersama Hentikan Wabak COVID-19

Bas Singgah-singgah Melaka Dijangka pertengahan April depan

BANDAR HILIR – Bas Singgah-singgah iaitu bas pelancongan baharu Melaka dijangka dilancarkan pada pertengahan April depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur negeri, Datuk Roslan Ahmad berkata, buat permulaan empat bas elektrik yang dilengkapi rangkaian jalur lebar tanpa wayar (wifi) akan diperkenalkan.

Bas berkenaan jelasnya bermula di Melaka Sentral dan melalui enam hentian khas yang dikenal pasti iaitu

di Zoo Melaka, Bangunan Stadhuis, Muzium Samudera, Menara Taming Sari, Muzium Kapal Selam dan Dataran Klebang.

"Tujuan lawatan ini untuk mengenal pasti hentian-hentian khas yang ditetapkan. Difahamkan setiap hentian bas ini akan dinaik taraf mengikut kesesuaian dan keperluan Bas Singgah-singgah.

"Jadi di situ akan ada tempat menjual tiket dan segala maklumat mengenai bas termasuk dan laluan dan jadual perjalananannya.

"Setiap hentian dipilih ini sememangnya bertepatan kerana ia antara kawasan tumpuan pelancong di negeri ini," katanya kepada Melaka Hari Ini selepas melakukan lawatan tapak hentian bas di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Jabatan Ketua Menteri Melaka, Sa'ari Basiron, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM), Datuk Murad Husin, Pengurus Besar Per-

badanan Muzium Melaka (PERZIM), Mohd Nasruddin Rahman, Pengurus Besar Panorama, Datuk Abu Bakar Abdul dan Ketua Pegawai Eksekutif Menara Taming Sari Berhad Azlan Abidin.

Beliau berkata, bagi tahun pertama pihaknya menyasarkan 3,000 penumpang sehari dan jika permintaan menggalakkan, perkhidmatan bas berkenaan akan ditambah baik.

"Sekiranya sambutan menggalakkan daripada pelancong, tidak mustahil kita akan tambah bas ini dan

buka laluannya ke kawasan pelancongan luar bandar pula," ujarnya.

Roslan berkata, pengenalan bas berkenaan bukan sahaja untuk merancakkan lagi sektor pelancongan negeri pasca pandemik COVID-19, bahkan bagi mengurangkan kesesakan di bandar terutama pada hujung minggu dengan kehadiran ramai pelancong.

"Jadi, kita berharap pelancong akan memilih bas pelancongan ini untuk melawat lokasi tumpuan berbanding menaiki kereta," katanya.



ROSLAN meninjau hentian Bas Singgah-singgah di kawasan Muzium Samudera, Banda Hilir ketika mengadakan lawatan tapak bersama BPP Jabatan Ketua Menteri Melaka dan pelbagai agensi lain pada 18 Februari lepas.

Pengusaha kolam ternakan keli dikompaun RM12,000

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PENGKALAN BATU – Pengusaha sebuah kolam ternakan ikan keli di Sungai Baru, Masjid Tanah yang menyebabkan pencemaran di sungai utama Februari tahun lalu telah dikompaun RM12,000 pada 15 Februari lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, kompaun itu dikenakan ke atas Kolam Keli Swee Choon Fishery Trading selepas didapati cuai melepaskan sisa darah ayam, telur busuk dan air kolam keli ke badan air.

Tindakan tersebut ujarnya, menyebabkan spesies ikan asal sungai mati selain air sungai berbau busuk sehingga ke Pekan Masjid Tanah.

“Saya telah melawat ke kolam

berkenaan tahun lalu dan mendapati penternak telah menggunakan darah ayam, telur tembelang dan bangkai ayam untuk menternak ikan keli. Keadaan di situ berbau sangat busuk dan sangat tidak bertanggungjawab.

Kemudiannya mereka telah melepaskan air yang tidak dirawat itu ke sungai dan menyebabkan ribuan ikan mati selain masalah bau busuk kepada penduduk sekitar. Perbuatan tersebut telah menyalahi undang-undang di bawah Seksyen 39(a) Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014.

“Jadi, syarikat ini telah dikenakan kompaun semalam berjumlah RM12,000 bagi kesalahan pertama dan jika melakukan kesalahan berulang, jumlah kompaun maksimum RM125,000 atau RM1,000 pada setiap hari akan dikenakan,” katanya dalam satu sidang media di kompleks Jawatank-

uasa Pembangunan dan Penyelarasian Dewan Undangan Negeri (Japerun) Pengkalau Batu, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri, Faizah Abdul Rahman.

Justeru, beliau memberi peringatan kepada semua penternak dan petani di negeri ini agar sentiasa mematuhi peraturan dan tidak menyebabkan pencemaran kepada sumber air negeri.

Menurutnya, sekiranya didapati ada penternak dengan sengaja melakukan kesalahan serupa, tindakan lebih tegas akan diambil.

“Saya seorang yang lantang, tidak kira siapa sahaja melakukan kesalahan, saya akan tegur. Jadi, saya menasihati semua penternak dan petani agar terus mengikut peraturan ditetapkan.

“Sekiranya ada sebarang maklumat mengenai pencemaran yang



NORHIZAM (kanan) dan Faizah menunjukkan laporan media tempatan berhubung pencemaran sungai berpunca daripada kolam ternakan ikan keli yang berlaku pada tahun lalu.

dilakukan oleh mana-mana penternak atau petani di negeri ini, anda semua dialu-alukan untuk melaporkan kepada BKSA atau saya sendiri,” ujarnya lagi.

Media sebelum ini melaporkan

penduduk di sekitar Pekan Masjid Tanah terpaksa menghidu bau busuk selama tiga hari akibat pencemaran sungai yang disebabkan oleh sebuah kolam ternakan ikan keli.

Mahkamah Tinggi Melaka tolak permohonan KAJD

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Mahkamah Tinggi Melaka pada 16 Februari lepas menolak permohonan untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman oleh KAJ Development Sdn Bhd (KAJD) bagi mencabar keabsahan notis penamatkan perjanjian yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri berkaitan projek penambangan laut.

kan laut.

Hakim Mahkamah Tinggi, Anselm Charles Fernandis membuat keputusan itu di dalam kamar dengan kehadiran Peguam Kanan Persekutuan, Zairani Tugiran mewakili Jabatan Peguam Negara dan peguam Abdullah Abdul Rahman mewakili KAJD Sdn Bhd.

Zairani berkata, mahkamah menolak

permohonan kebenaran semakan kehakiman yang difailkan oleh KAJD Sdn Bhd pada 14 Disember tahun lalu.

“Yang Arif hakim membuat keputusan itu selepas mendapati tiada elemen undang-undang awam berkaitan keputusan yang dibuat berhubung notis penamatkan dan ia tidak mewajarkan suatu semakan kehakiman.

“Bagaimanapun, dalam prosiding itu pe-

guam memaklumkan syarikat pemaju itu akan memfailkan rayuan,” katanya ketika dihubungi di sini, baru-baru ini.

Pada 16 November 2020, kerajaan negeri menerusi satu kenyataan dilaporkan telah memaklumkan mengenai penamatkan penambangan laut Melaka Gateway bersama syarikat pemaju berkenaan berkuat kuasa 3 Oktober lalu.

Institut Tun Perak sedia bantu golongan minat bidang keusahawanan

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Institut Tun Perak (ITP) bersedia mengadakan pelbagai kursus keusahawanan baharu yang lebih spesifik mengikut cita rasa orang ramai pada masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Sabri Mohamad Sharif berkata, langkah itu antara inisiatif pihaknya untuk melahirkan lebih ramai usahawan di negeri ini mengikut bidang diceburi.

“Untuk permulaan tahun ini kita adalah kursus keusahawanan atas talian dan digital, selepas ini akan disusuli dengan kursus lebih fokus kepada bidang yang mereka ceburi.

“Contohnya kursus masakan, kursus membuat kraftangan, kursus jual makanan secara online dan banyak lagi,” katanya.

Beliau dihubungi Melaka Hari Ini selepas Majlis Pelancaran Kursus Keusahawanan Atas Talian dan Kursus Keusahawanan Digital secara atas talian menerusi aplikasi Zoom, yang disempurnakan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali pada 18 Februari lepas.

Sabri berkata, semua data peserta yang dikumpul dalam Kursus Keusahawanan Atas Talian dan Kursus Keusahawanan Digi-

tal anjuran ITP itu akan memudahkan pihaknya menghubungi mereka untuk inisiatif selanjutnya.


“Selepas ini akan ada kursus lebih spesifik kepada bidang apa yang diceburi mereka.

“Ini salah satu daripada 40 ‘touch point’ Belanjawan Negeri Melaka 2021 untuk membantu usahawan negeri memperluaskan perniagaan mereka,” katanya lagi.

Mengulas lanjut, katanya, seramai 325 peserta menyertai kursus selama dua hari itu, membabitkan 140 peserta kursus usahawan dan 185 peserta bagi kursus digital.

“Pada 10 April tahun ini, kita akan sekali lagi mengadakan kursus keusahawanan dan keusahawanan digital ini, kita doakan mungkin secara fizikal, tertakluk kepada keadaan dan SOP (prosedur operasi standard) mengizinkan, sewaktu berlangsungnya Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka 2021.

Karnival itu merupakan anjuran Kerajaan Negeri Melaka, melalui ITP dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka akan diadakan secara berkala, bermula April ini di daerah Masjid Tanah, diikuti Melaka Tengah pada pertengahan tahun dan Jasin pada penghujung tahun ini,” katanya.



ANTARA peserta yang sertai Kursus Keusahawanan Atas Talian dan Kursus Keusahawanan Digital secara atas talian menerusi aplikasi Zoom, baru-baru ini.

Malaysia mulakan program vaksinasi COVID-19 26 Februari ini

KUALA LUMPUR - Malaysia bersedia untuk memulakan program vaksinasi terbesar yang pernah dilaksanakannya pada 26 Februari, dalam usaha melindungi penduduk daripada jangkitan COVID-19.

Penghantaran pertama vaksin dijadualkan tiba pada 21 Februari.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan menjadi orang pertama menerima suntikan vaksin itu pada 26 Februari, bersama-sama petugas barisan hadapan, di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dijadualkan berlangsung sehingga Februari tahun depan.

Beliau menjelaskan proses berkenaan semasa melancarkan Buku Panduan mengenai program imunisasi itu yang menerapkan pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat. Buku panduan dengan slogan Lindung Diri, Lindung Semua, boleh dimuat turun menerusi laman web www.vaksincovid.gov.my.

Buku panduan itu memperincikan program imunisasi berkenaan dan akan menjadi sumber rujukan kepada penggubal dasar dan pelaksana serta rakyat, kata beliau.

"Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa vaksin Pfizer-BioNTech akan sampai di Malaysia pada 21 Feb 2021.

"Selanjutnya, *roll-out* pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan bermula pada 26 Feb 2021, di mana saya sendiri akan menerima suntikan vaksin pada hari tersebut bersama-sama petugas barisan hadapan," kata perdana menteri semasa melancarkan buku panduan itu secara maya yang disiarkan secara langsung di televisyen dan media sosial.

Muhyiddin berkata program imunisasi itu akan dilaksanakan dalam tiga fasa sehingga 22 Feb tahun depan dengan fasa pertama bermula pada 26 Feb hingga April 2021, fasa kedua mulai April hingga Ogos 2021 dan fasa ketiga dari Mei 2021 hingga Februari 2022.

Menurut buku panduan tersebut, 500,000 penduduk akan menerima suntikan pada fasa pertama yang terdiri daripada petugas barisan hadapan yang terdiri daripada petugas kesihatan sektor awam dan swasta serta petugas barisan hadapan dalam perkhidmatan penting dan keselamatan.



MUHYIDDIN ketika menyempurnakan pelancaran Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan secara maya yang disiarkan secara langsung di televisyen dan media sosial, baru-baru ini.

Sehingga 9.4 juta penduduk akan dilindungi pada fasa kedua yang terdiri daripada petugas dalam perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan penting dan keselamatan serta mereka yang berumur 65 dan ke atas, kumpulan berisiko yang menghidap penyakit kronik seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi serta orang kurang upaya.

Kira-kira 13.7 juta penduduk pula disasarkan menerima suntikan itu dalam fasa ketiga yang terdiri daripada mereka yang berumur 18 dan ke atas (warganegara dan bukan warganegara). Keutamaan diberikan kepada zon merah, kuning dan hijau COVID-19.

Muhyiddin berkata program imunisasi menyeluruh ini adalah untuk memastikan imuniti kelompok dapat dibentuk di dalam komuniti agar dapat memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19 sekali gus diharap dapat menamatkan pandemik COVID-19.

"Ringkasnya, vaksinasi amat penting untuk kita melindungi bukan sahaja diri sendiri, tetapi juga orang tersayang iaitu ahli keluarga, rakan kerja, jiran sekeliling dan seluruh komuniti."

"Inilah juga maksud slogan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang saya perkenalkan secara rasmi hari ini, iaitu Lindung Diri, Lindung Semua," katanya.

Perdana Menteri berkata apabila semua orang telah dilindungi dan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ini berjaya dilaksanakan, ia akan memberikan impak positif termasuk membolehkan sektor ekonomi dan pelancongan kembali dibuka.

"Pelbagai sektor ekonomi akan dibuka semula, seperti pelancongan. Kita boleh saling ziarah-menziarahi, aktiviti bersukan juga boleh kita amalkan, tetapi dengan mengamalkan norma baharu.

"Inilah yang saya maksudkan apabila saya

katakan bahawa vaksin COVID-19 adalah antara sinar harapan kita yang paling utama untuk kita menang dalam perang melawan COVID-19.

"Pastinya, satu lembaran baru bakal terbuka dengan bermulanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada penghujung bulan ini," kata beliau.

Sehubungan itu, beliau menasihati semua rakyat supaya jangan berlengah untuk mendaftar bagi mendapatkan vaksin dan hadir pada waktu yang telah ditetapkan untuk menerima dos pertama dan dos kedua.

Menurut buku panduan itu yang dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19, pendaftaran boleh dibuat aplikasi MySejahtera atau laman sesawang khas di www.vaksincovid.gov.my. serta menghubungi talian hotline (akan dimaklumkan kemudian), hadir ke fasiliti klinik kesihatan awam dan swasta, atau menerusi program bantuan bagi penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Vaksin berkenaan akan ditempatkan di 54 lokasi seluruh negara dan akan dilaksanakan di 605 lokasi.

Setakat bulan ini, Malaysia memperoleh 66.7 juta dos vaksin COVID-19 melalui kemudahan COVAX dari lima pengeluar iaitu Pfizer-BioNTech, AstraZeneca, Sinovac, CanSinoBIO dan Sputnik V, according to the handbook.

- BERNAMA

Kumpulan sasaran bagi 3 fasa pemberian vaksin dan anggaran individu yang akan divaksinasi

FASA 1 500,000 ORANG (Februari - April 2021)

Kumpulan utama 1

- Petugas barisan hadapan yang merangkumi petugas kesihatan kerajaan dan swasta.

Kumpulan utama 2

- Petugas barisan hadapan yang merangkumi perkhidmatan penting* (essential) dan pertahanan.

*Akan dikemaskini dari masa ke semasa oleh JKJAV

FASA 2 9.4 JUTA ORANG (April - Ogos 2021)

Kumpulan utama 1

- Bagi kakitangan penjaga kesihatan serta perkhidmatan penting dan pertahanan.

Kumpulan utama 2

- Warga emas berumur 65 tahun ke atas, golongan berisiko tinggi mengalami penyakit kronik seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi dan orang kelaianan upaya (OKU)*

*Maklumat terperinci akan dikemaskini dari semasa ke semasa

Kawalan wabak

FASA 3 (MEI 2021 - Februari 2022)

Kumpulan utama

- Penduduk berumur 18 tahun ke atas (warganegara & bukan warganegara).

- Keutamaan kepada zon merah, zon kuning dan kemudian zon hijau.

Kawalan wabak

Sasaran
13.7 JUTA ORANG / LEBIH

Sumber : KKM

Urus Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kerajaan tubuh CITF

PUTRAJAYA - Kerajaan pada 17 Februari lepas mengumumkan penubuhan pasukan petugas khas dikenali sebagai Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) untuk menguruskan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin berkata CITF akan diketuai oleh beliau sendiri selaku Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang akan membuat laporan kepada Jemaah Menteri.

Beliau berkata pasukan pengurusan CITF pula akan diselia oleh dua pengarah bersama iaitu Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Chong Chee Keong dan Timbalan Panglima Tentera Darat Leftenan Jeneral Datuk Mohammad Ab Rahman.

"Struktur CITF menekankan kepada tindakan bersepadan pelbagai kementerian dan badan kerajaan bagi memastikan PICK dapat dilaksanakan dengan kemas, lancar dan teratur

dalam mencapai objektifnya.

"Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan bertindak sebagai urus setia CITF," katanya pada sidang media mengenai penyelaras CITF di sini baru-baru ini.

Sidang media itu turut diadakan secara maya menerusi aplikasi Zoom.

Mengulas lanjut, Khairy berkata CITF telah mengadakan mesyuarat pertama semalam bagi memperincikan penyelarasan bidang tugas, struktur kerja dan perancangan keseluhan PICK.

Menurutnya, dalam mesyuarat itu MKN turut membentangkan kertas kerja berkaitan Pusat Kawalan CITF di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah serta mekanisme penyelarasan yang menghubungkan pelbagai peringkat ini.

Beliau berkata menerusi CITF, perkhidmatan kesihatan yang merangkumi bidang tugas pengurusan logistik vaksin; pendaftaran;

mengenal pasti kategori penerima vaksin; pemantauan pasca vaksinasi; pentadbir vaksin; pusat imunisasi di fasiliti KKM dan pengurusan sumber manusia akan diselaraskan dengan perkhidmatan bukan kesihatan.

"Perkhidmatan bukan kesihatan bertanggungjawab bagi pengurusan logistik (utiliti, tempat letak kereta, ICT dan peralatan bukan ICT); dokumentasi, rekod dan pendaftaran; pengurusan maklumat geodata raya; komunikasi strategik; pentadbir pusat vaksin di fasiliti awam; pengurusan pengangkutan penerima vaksin; pengurusan sumber manusia; bahagian dan agensi dan sukarelawan.

"Bagi tujuan pentadbiran, Bilik Gerakan CITF telah diwujudkan di Aras 3, Blok F1, Parcel F, Presint 1, Putrajaya," katanya.

Khairy berkata pasukan beruniform termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) akan terlibat sepanjang PICK berlangsung.

DidikTV KPM platform perkasa budaya ilmu – PM



MUHYIDDIN

PUTRAJAYA – DidikTV Kementerian Pendidikan Malaysia (DidikTV KPM) yang mula bersiaran pada 17 Februari lepas dengan pengisian dari jam 7 pagi hingga 12 tengah malam diharap menjadi platform memperkasa budaya ilmu dan mewujudkan masyarakat berinformasi.

Saluran khusus TV Pendidikan itu boleh ditonton setiap hari menerusi saluran 107 di MYTV, saluran 147 di ASTRO dan saluran ntv7 di TV UNIFI.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pengenalan saluran pendidikan terbaharu itu merupakan usaha berterusan KPM dalam meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti bagi semua murid di seluruh negara.

Jelasnya, DidikTV KPM akan menyiaran program yang berteraskan kurikulum dan kokurikulum KPM selain berita dunia pendidikan daripada peringkat pra sekolah hingga Tingkatan 6, program bercorak didik hibur (edutainment) serta kandungan yang dihasilkan oleh murid.

“Selain itu, kandungan pembelajaran sepanjang hayat yang memberi fokus kepada nilai-nilai murni dan pembangunan karakter murid akan turut disiarkan.

“Saya yakin bahawa DidikTV KPM akan dapat membantu pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), khususnya bagi murid yang tidak mempunyai

akses kepada pendidikan secara dalam talian.

“Ibu bapa juga boleh meluangkan masa untuk menonton DidikTV KPM bersama-sama anak-anak,” katanya dalam satu kenyataan selepas melancarkan saluran khusus TV Pendidikan, DidikTV KPM, baru-baru ini.

Pada masa sama, beliau menzhirikan harapan agar program pendidikan yang disediakan mendapat sokongan padu dan kerjasama erat daripada semua pemegang taruh, khususnya murid, guru dan juga ibu bapa.

“Marilah kita semua bersatu hati melaksanakan tanggungjawab dalam menjayakan agenda besar pendidikan negara ke arah yang lebih cemerlang demi masa depan generasi pewaris negara,” katanya lagi.

Untuk rekod, DidikTV KPM merupakan inisiatif terbaharu kerajaan dalam menyediakan pendidikan berkualiti kepada murid selepas negara dilanda pandemik COVID-19 sejak Mac tahun lalu.

Dalam usaha mempelbagaikan sumber pembelajaran serta bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses Internet atau peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, KPM telah menyediakan slot program TV Pendidikan secara terrestrial yang disiarkan di dalam platform televisyen, antaranya TV Okey RTM, Tutor TV Astro dan DidikTV KPM.

Transformasi pengurusan demi capai kecemerlangan pendidikan

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Warga Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka perlu melakukan transformasi dalam semua aspek pengurusan sama ada di

peringkat sekolah mahupun di pejabat pendidikan daerah (PPD) bagi menghasilkan taraf pendidikan yang berkualiti tinggi.

Pengaruhnya, Dr Mohd Azam Ahmad berkata, bagi memastikan

pengurusan pendidikan dapat dilaksanakan dengan cemerlang, perkara yang perlu difokuskan adalah melakukan transformasi sekolah.

Katanya, selari Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25), perubahan itu perlu diberi perhatian supaya ia dapat melahirkan generasi pelajar yang berkualiti tinggi pada masa hadapan.

“Warga pendidik perlu melakukan anjakan minda dan sikap dalam semua aspek pengurusan termasuk pengurusan pedagogi dan hal ehwal murid.

“Warga JPN perlu memastikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam melaksanakan proses pembelajaran dalam bilik darjah serta TS25 supaya melahirkan generasi yang relevan sesuai dengan tuntutan zaman dan masa demi agama, bangsa dan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran #jpnmelakajenamakerajaanno1-Memayungi Aspirasi Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka secara maya di laman YouTube jabatan itu, pada 17 Februari lepas.

Dr Azam berkata, bagi memastikan pendidikan dilaksanakan secara lebih berkualiti, warga pendidik juga perlu memberi perhatian terhadap pentaksiran bilik darjah bagi menca-



SELARI Program TS25, perubahan itu perlu diberi perhatian supaya ia dapat melahirkan generasi pelajar yang berkualiti tinggi pada masa hadapan.

pai falsafah pendidikan kebangsaan dan memenuhi visi kementerian.

“Semua pentaksiran itu perlu dilaksanakan dengan penuh teratur dan strategik serta berkualiti selain memastikan gerak kerja ko-kurikulum dapat dirancang dengan sebaik mungkin supaya anak-anak sihat dari segi minda, rohani dan jasmani,” katanya.

Beliau turut mengingatkan pengurusan dalam pentadbiran sekolah dan pejabat pendidikan daerah melakukan transformasi dalam menja-

lankan amanah yang dipertanggungjawabkan.

“Pegawai pendidikan sama ada di pejabat pendidikan daerah (PPD) mahupun di JPN berperanan menjadi konsultan kerana mereka ini mempunyai kompetensi dan kemahiran tinggi untuk menjayakan falsafah pendidikan kebangsaan.

“Mereka perlu berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain dengan memberikan data serta analisis dan cadangan strategik,” kata-



DR. Mohd Azam. Foto MR Azli

SCAN DULU BARU BELI

PASTIKAN iklan ubat yang tertera mempunyai nombor kelulusan KKLiu.

SCAN DULU BARU BELI

PRODUK TIDAK BERDAFTAR

INDIVIDU
Denda sehingga RM 25,000 DAN/ATAU PENJARA 3 TAHUN

SYARIKAT
Denda sehingga RM 50,000

SEMAK UBAT ANDA

LABEL HOLOGRAM FARMATAG

NOMBOR PENDAFTARAN MAL
Bermula dengan perkataan MAL diikuti 8 digit Nombor Pendaftaran, diakhiri dengan huruf A,X,T atau N
*Contoh : MAL43215678N

PASTIKAN produk yang anda beli mempunyai ciri-ciri yang tertera.

AKTA UBAT IKLAN DAN PENJUALAN (1956)



TUJUAN AKTA

1. Mencegah/ mlarang iklan tertentu yang berkaitan hal-hal perubatan
2. Mengawal penjualan bahan-bahan yang disyorkan sebagai ubat



JENIS IKLAN

Katalog/ Kalender/ Iklan papan tanda/ Pengiklanan di atas kaunter/ Pameran produk/ Program temubual/ Iklan pada kendaraan/ Laman sesawang



LEMBAGA IKLAN UBAT (LIU)

Bertanggungjawab mengeluarkan/ tidak mengeluarkan sebarang kelulusan atau boleh membatalkan kelulusan yang telah dikeluarkan



JADUAL (SEKSYEN 3) PENYAKIT YANG DILARANG DALAM IKLAN

- 1.Penyakit buah pinggang
- 2.penyakit jantung
- 3.Diabetes
4. Epilepsi
- 5.Lumpuh
- 6.Tibi
- 7.Aisma
- 8.Kusta
- 9.Kanser
- 10.Pekak
- 11.Ketagihan dadah
- 12.Hernia
- 13.Penyakit mata
- 14.Hipertensi
- 15.Sakit mental
- 16.Kemandulan
- 17.Kedinginan seksual
- 18.Lemah fungsi seksual
- 19.Penyakit kelamin
- 20.Lemah urat saraf berkaitan hubungan seks



HUKUMAN MENGIKLAN IKLAN YANG DILARANG

Sabitan kali pertama: Denda maksima RM3000 dan/atau 1 tahun penjara

Sabitan berikutnya: Denda maksima RM5000 dan/atau 2 tahun penjara

Bekas penjawat awam didenda RM25,000

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Seorang bekas Penolong Pegawai Perikanan di Jabatan Perikanan Negeri Melaka didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, pada 15 Februari lalu, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan menerima suapan RM4,000 pada 2017.

Hakim Datuk Mohd. Nasir Nordin membuat keputusan itu selepas meneliti fakta kes, hujah pendakwaan dan rayuan tertuduh, Abd. Rahim Ali, 63, serta menetapkan hukuman penjara

enam bulan jika gagal membayar.

Tertuduh sebagai penjawat awam, ketika kejadian, didakwa menerima suapan RM4,000 daripada seorang individu, Rahim Maarof, 60, di Jabatan Perikanan Negeri Melaka Batu Berendam antara jam 11.30 pagi hingga 1 petang pada 8 Ogos 2017.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh sebagai upah untuk memberikan kerja-kerja pembekalan tong insulasi 75 liter sebanyak 90 unit bagi program Touch Point jabatan berkenaan.

Tertuduh didakwa mela-

kukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksianan, memperuntukkan hukuman penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalan.

Pendakwaan yang dikenyalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Irwan Shah Abdul Samat memohon hukuman setimpal diberikan sebagai pengajaran terhadap tertuduh dan masyarakat.

Tertuduh diwakili Peguam Augustus Walter CN Jacobs, bagaimanapun merayu hukuman ringan diberikan kepada anak guamnya.



TERTUDUH ketika keluar daripada Mahkamah Sesyen selepas mengaku bersalah terima suapan RM4,000.

JENAYAH

Seks 15 minit RM50, dihidu pihak berkuasa

Faiz Hasan

BANDARAYA MELAKA – Berselindung di sebalik hotel murah di Jalan Tun Ali, dekat sini, satu sindiket pelacuran dikesan mengaut keuntungan mudah dengan menawarkan khidmat pelacur dengan bayaran RM50 selama 15 minit.

Kegiatan itu bagaimanapun ‘dihadu’ Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Melaka menerusi operasi ‘Ops Gegar’ pada 16 Februari lepas, sekali gus menahan lapan wanita warga asing terdiri daripada warga Indonesia, Thailand, Vietnam dan Bangladesh berusia 26 hingga 35 tahun.

Ketua Bahagian Penguatan kuasa JIM negeri, Mohd Sharulnizam Ismail berkata, dalam serbuan itu pihaknya turut menahan dua lelaki iaitu, pelanggan warga Bangladesh dan penjaga hotel tempatan.

Beliau berkata, aktiviti tidak bermoral itu dipercayai beroperasi sejak beberapa tahun yang lalu dan sumber memaklumkan hotel terbabit disewakan kepada sindiket pelacuran dengan harga RM1,500 sebulan.

“Walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), siasatan mendapati premis tetap beroperasi seawal jam 10 pagi

hingga 4 petang dan menjadi tumpuan lelaki tempatan dan warga asing bagi melanggar pelacur dengan bayaran RM50 sekali perkhidmatan bagi tempoh 15 minit.

“Difahamkan setiap wanita warga asing itu menerima upah RM30 bagi seorang pelanggan dan bakinya diambil penjaga premis berusia 50 tahun,” katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Sharulnizam berkata, semasa serbuan dijalankan kesemua wanita warga asing yang berada di premis itu cuba melarikan diri, namun berjaya ditahan anggota penguatan kuasa.

“Kita turut merampas beberapa set walkie talkie, kondom, buku kerja, telefon bimbit pelbagai jenama dan wang tunai berjumlah RM1,040 dipercayai hasil daripada aktiviti haram tersebut,” katanya.


Katanya, semua wanita tersebut ditahan atas kesalahan seperti melanggar syarat permit dan lain-lain kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) seperti tiada dokumen pengenalan diri dan tinggal lebih masa.

“Kesemua mereka dibawa ke Pusat Kesihatan Daerah untuk ujian saringan Covid-19 sebelum dihantar ke Depot Tahanan Imigresen Machap Umboo untuk siasatan lanjut,” katanya.



ANTARA wanita warga asing dipercayai pelacur yang ditahan dalam operasi JIM Melaka, di sebuah hotel murah di Jalan Tun Ali, pada 16 Februari lepas.

Baling bom petrol gara-gara cemburu



ANTARA kesan bahan letupan yang dibaling ke bahagian dinding luar rumah berkenaan di Taman Melaka Baru, Batu Berendam, baru-baru ini.

Muhd Rizanizam Abd Hamid

BATU BERENDAM – Padah cemburu tidak bertempat, seorang pemandu lori diberkas polis selepas dipercayai membaling bahan letupan molotov koktel ke rumah teman lelaki bekas kekasihnya di sini 15 Februari lepas.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Afzanizar Ahmad berkata, dalam kejadian kira-kira 6 petang itu, suspek berusia 50 tahun dipercayai membaling bahan letupan itu ke bahagian dinding luar rumah berkenaan di Taman Melaka Baru.

Menurutnya, kejadian disedari pengadu lelaki berusia 49 tahun yang juga kekasih baharu bekas teman wanita suspek selepas dia terdengar bunyi letupan kuat di bahagian hadapan rumah.

“Kejadian mengakibatkan rak kasut serta bumbung sebuah kereta jenis Honda Jazz terbakar namun api sempat dipadam pengadu daripada merebak.

“Pengadu turut menjumpai satu botol kaca yang mengandungi minyak petrol dipercayai molotov koktel sebelum membuat laporan polis pada pukul 7.45 malam,” katanya dalam satu kenyataan.

Afzanizar menambah, pengadu yang bekerja sebagai tukang cat mendakwa turut terlihat seorang lelaki dipercayai suspek

melarikan diri menaiki sebuah kereta yang diparkir berhampiran rumah.

“Susulan itu, sepasukan anggota telah ke lokasi dan mendapati kesan terbakar di rak kasut serta bumbung kenderaan yang diparkir di dalam kawasan rumah.

“Pemeriksaan lanjut turut menjumpai kesan serpihan muncung botol kaca di kawasan kereta pengadu, dipercayai adalah serpihan molotov koktel yang dibaling suspek,” katanya.

Tambahnya, kejadian dipercayai berpunca daripada perasaan cemburu suspek apabila bekas teman wanitanya berusia 46 tahun itu yang bekerja sebagai ejen pelancongan tinggal bersama pengadu.

“Difahamkan suspek pernah menjalin hubungan cinta dengan wanita tersebut selama enam bulan, manakala pasangan itu baharu bercinta tiga bulan lalu.

“Suspek kemudian berjaya ditahan pada pukul 10 malam di Taman Bachang Utama selain polis turut merampas satu pemekik api dan sebuah kereta jenis Proton Waja beserta kunci.

“Lelaki itu direman sehingga 20 Januari depan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksianan kerana khianat dengan menggunakan api atau benda letupan dengan niat menyebabkan kerosakan,” katanya.



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (**Surah Al-A'la, ayat 14-15**)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (**Surah Al-Baqarah, ayat 155**)

PKP/PKPB : Asnaf tetap disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) memainkan peranan besar dalam memastikan kebajikan dan keperluan asnaf di negeri ini diperlihara sebaiknya.

Dalam tempoh Perintah

Kawalan Pegerakan (PKP) 2.0 sejak awal tahun ini MAIM melalui Bahagian Agihan Zakat sentiasa melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan penuh dedikasi.

Permohonan bantuan, menjelaki asnaf dan kebajikan mereka sentiasa dijaga khususnya asnaf yang terkesan berikutan ketidaaan pendapatan dan perbelanjaan untuk mene-

ruskan kehidupan.

SAZ yang telah diberi amanah sentiasa turun padang tidak kira masa mahupun waktu bagi menjelaki mereka yang memerlukan serta memastikan keperluan itu sampai ke tangan asnaf tanpa ada ketirisan.

Penularan pandemik Covid-19 di negara ini pastinya memberi kesan mendalam ke-

“Program ziarah dan jejak asnaf sentiasa dilaksanakan pada setiap minggu dan pastinya tanpa mengira waktu dan masa MAIM akan memastikan segala keperluan asnaf sama ada dari sudut makanan, kesihatan, pendidikan dan perbelanjaan harian diteliti sepenuhnya. **”**



SEBAHAGIAN anak-anak asnaf ceria menerima kehadiran SAZ.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyampaikan sumbangan wang tunai kepada asnaf yang memerlukan.

pada golongan asnaf kerana sebahagian besar mereka merupakan bekerja sendiri dan terdapat juga yang telah diberhentikan kerja.

Program ziarah dan jejak asnaf sentiasa dilaksanakan pada setiap minggu dan pastinya tanpa mengira waktu dan masa MAIM akan memastikan segala keperluan asnaf sama ada dari sudut makanan, kesihatan, pendidikan dan perbelanjaan harian diteliti sepenuhnya.

Sebaran maklumat dan in-

fomasi berkaitan skim bantuan melalui media sosial dan media elektronik tetap dilaksanakan dan diperhebat setiap masa bagi memastikan semua masyarakat Islam faham wujudnya skim bantuan yang bersesuaian kepada asnaf yang layak.

Matlamat MAIM dan SAZ adalah untuk menangani kemiskinan di negeri ini iaitu kepada golongan yang layak, namun masih belum disantuni oleh skuad ini atas beberapa faktor.

Bagi operasi di lapangan dalam tempoh sukar ini, siasatan dilaksanakan secara dalam talian dan juga terus dari rumah ke rumah bagi menyelemak keperluan berdasarkan haddul kifayah serta keadaan semasa kehidupan asnaf di negeri ini.

Aktiviti turun padang turut menjelaki keperluan lain bagi asnaf dan umat Islam di kawasan sekitar melalui agihan wang zakat kepada asnaf gharimin mahupun fisabilillah.



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) **Facebook** | [facebook/maimmelaka](#)

Sumbangan Kit Makanan PKP 2.0

PENYERAHAN sumbangan kit makanan kecemasan Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka kepada beberapa agensi dan persatuan sekitar negeri ini. Lebih 15,000 kit makanan kecemasan telah diagihkan kepada mereka yang memerlukan yang mana secara dasarnya MAIM memperuntuk sebanyak hampir RM 900,000.00 bagi penyediaan kit berkenaan.



Rantaian hubungan silaturrahim



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil
Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

Islam sangat menuntut persaudaraan dan pertalian silaturrahim sesama umatnya. Dalam beberapa hadith telah ditegaskan bahawa sesiapa yang memutuskan tali silaturrahim maka dia tidak akan memasuki syurga. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadithnya yang bermaksud: "Tidak akan masuk syurga seorang pemutus, iaitu pemutus tali kekerabatan." (H.R. Muttafaqun 'alaihi)

Oleh yang demikian, hubungan silaturrahim harus dijaga sebaiknya agar tidak terputus dan juga tidak dihumbang ke neraka kelak nanti. Bagi orang yang sentiasa menjaga hubungan silaturrahim ianya akan selalu mengambil berat tentang saudaranya sama ada cukup makan, pakaian atau tempat tinggal.

Sebagai umat Islam kita seharusnya menitikberatkan hak asasi orang yang kurang berkemampuan, apa gunanya banyak harta tapi tidak mampu menolong saudara sesama Islam sendiri? Jadi renung-renungkanlah, janganlah kita terlalu cintakan harta benda sehingga terabainya ibadah kita kepada Allah SWT.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara Malaysia dan seluruh dunia telah menyebabkan ramai orang yang kehilangan punca pendapatan, kehilangan pekerjaan, perniagaan yang ditutup terus dan ada yang kehilangan orang yang tersayang. Justeru itu, kita sebagai hamba Allah SWT yang beriman dan bertaqwa kepada-Nya haruslah bersabar dan redha dengan ketentuan-Nya.

Oleh yang demikian, untuk menjadiseorang insan yang sentiasa prihatin terhadap kesusaahan orang lain, maka marilah kita menuaikan tanggungjawab berzakat. Golongan yang berharta dapat membantu golongan kurang berkemampuan, sehingga dapat mewujudkan rasa cinta dan kasih antara satu sama lain. Sebagaimana dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Barangsiapa yang inginkan untuk diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah ia menyambung tali silaturrahim." (H.R. Bukhari & Muslim)

Di samping itu, ibadah zakat yang kita laksanakan ini dapat memberi sinar kehidupan asraf yang dibantu supaya mereka tidak melahirkan sifat cemburu, iri hati dan dendki kepada golongan yang berharta serta tidak akan menyalahkan takdir atas kesusahan yang dialami oleh mereka yang dalam kesusahan. Ini adalah ketentuan daripada Allah SWT dalam menguji manusia supaya taat dan akur dengan perintah-Nya.

Justeru itu, kita mestilah membantu

saudara sesama Islam yang kurang berkemampuan dalam meneruskan kehidupan mereka dengan lebih sempurna dan sejahtera, sekaligus dapat menjalankan silaturrahim dan talian persaudaraan yang baik sesama umat Islam dan memartabatkan kestabilan ekonomi Islam sejagat. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Zakat - "Bersih Jiwa Suci Harta"

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
: Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat
– (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com



Bayaran ZAKAT Di Hujung Jari Anda

Layari

www.izakat.com

Sama-sama putuskan
rantaian COVID-19

#jomtunaikanzakat
#stayathome
#staysafe



Sila Imbas

Hanya 2.5% Sahaja

1-300-88-0233 www.izakat.com [Zakat Melaka](#) [zakat.melaka](#) [Zakat Melaka](#) [Zakat Melaka](#)

"Hanya
2.5%
Dari Hartamu
Milik ASNAF"

ZAKAT - Bersih Jiwa, Suci Harta" 1-300-88-0233 www.izakat.com [Zakat Melaka](#)

Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com



1-300-88-0233 www.izakat.com [Zakat Melaka](#) [zakat.melaka](#) [Zakat Melaka](#) [Zakat Melaka](#)



PEMANTAUAN berkala oleh Penolong Setiausaha Bahagian Agihan Zakat MAIM, Shakina Mohd Said di beberapa lokasi kedai panel pembekal yang telah dilantik bagi tujuan penyediaan bekalan bantuan makanan kepada asnaf di sekitar DUN Sungai Rambai. Pemilihan dan penyediaan makanan asas yang berkualiti merupakan kriteria utama yang perlu dititikberat oleh semua panel pembekal bagi memastikan bekalan bantuan berkualiti dan dijamin halal.



Ke Manakah Wakaf Anda?

Jom Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka

Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1 MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2 Download APPS e-WALLET BOOST

Kaedah bayaran #3 Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4 MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM) 0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : BAHASA MELAYU**

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021
BERSAMA KIBGIM" /n "Hubungi Kami :
011-15116270 / 019-2886270".

TEKNIK PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU SPM

UNGKAPAN MENARIK UNTUK KARANGAN

1. Darsawarsa ini, marcapada ini, mutakhir ini - dewasa ini	41. Izhar - jelas
2. Mayapada, manjapada - dunia	42. Delinkuen - tidak ikut peraturan
3. Arus globalisasi - zaman global	43. Komentar - rencana
4. Arus modenisasi/arus permodenan, dunia tanpa sempadan - zaman moden	44. Polemik - sering dibincangkan
5. Kontemporari - masa kini	45. Secara analogi, berperingkat-peringkat - berturutan
6. Tuntasnya, sebagai intiha, konklusinya, akhir kalam/kata, deduksinya - kesimpulannya	46. Penuh iltizam - penuh semangat
7. Ironinya, impak - kesannya	47. Inovasi, pembaharuan - kemajuan
8. Kekangan, kemelut, halangan - masalah	48. Mapan - mantap
9. Rentetan itu, lantaran itu - sehubungan itu	49. Pragmatis - praktikal
10. Dirangkaikan - dihubungkan	50. Mengorak - memulakan
11. Menjurus - menyebabkan	51. Seantero - seluruh
12. Menyoroti - membicarakan	52. Perencahan - faktor
13. Kendatipun begitu - walaupun begitu	53. Keakraban - erat dan rapat
14. Ambil berat, ambil peduli - cakna	54. Belenggu - konkongan
15. Prestij, reputasi - tahap	55. Petualang - penghalang
16. Ghalibnya, lazimnya - biasanya	56. Mercu - menempa
17. Tamsilan, uswah, teladan - contoh	57. Dominan - utama
18. Maslahat - faedah	58. Rohaniah, insani - nilai kemanusiaan
19. Rencaman, heterogen, variasi - pelbagai	59. Metropolitan - bandar raya
20. Belajar dari pengalaman - heuristik	60. Khusyuk - sepenuh tumpuan
21. Holistik - bersepada	61. Nafsi, egoistik - pentingkan diri
22. Disemarakkan - digiatkan	62. Tidak bertanggungjawab - evasif
23. Dijana - dijalankan	63. Pentingkan keseronokkan - hedonisme
24. Didorong, dimangkinkan - dipengaruhi	64. Signifikan - bermakna/penting
25. Memperkasa - meningkatkan	65. Ruwet - kalut/kusut/sulit
26. Diuar-uarkan, dihebahkan - diberitahu	66. Ideal, utopia - terlalu sempurna
27. Sinergi, kolaborasi, komitmen - kerjasama	67. Kondusif - selesa
28. Toleransi - tolak ansur	68. Darma - kewajiban
29. Obses, taksub - terikut-ikut	69. Tarbiah - pendidikan
30. Wadah, wahana - alat	70. Anjakan paradigma - perubahan yang baik
31. Kenangan manis yang tidak dapat dilupakan - memorabilia	71. Melestariakan - mengekalkan
32. G lokal, lokal - tempatan	72. Takuk lama - tahap lama
33. Kebejatan moral - keruntuhan moral	73. Tersohor - terkenal
34. Ukhrawi, rohani - dalaman	74. Gusur, heret - tarik
35. Ukuhuwah, pertalian - hubungan	75. Sofistikated - bersifat kompleks
36. Nescaya, pasti, yakin - sudah tentu	76. Pidana - kejahatan
37. Enteng - ambil mudah	77. Aspirasi, cita-cita - idola
38. Menerjah, mengejutkan - mengganggu	78. Pengetahuan yang cetak - dangkal
39. Diimplimentasikan, diterapkan - digunakan	79. Swadaya - kekuatan sendiri
40. Nirmala, dinihari - pagi yang hening	80. Peraturan yang longgar - luwes

PERIBAHASA UNTUK KARANGAN

1. Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis

- Sentiasa beringat dan berhati-hati supaya tidak terpedaya.

2. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa

- Kependaan atau kebolehan bukan pada orang tua sahaja tetapi ada juga pada orang muda atau kanak-kanak.

3. Lain bengkak lain bernanah

- Orang lain yang melakukan kesalahan tetapi orang lain pula yang dituduh.

4. Lain orang yang makan nangka, lain orang yang kena getahnya

- Orang lain yang melakukan kesalahan, orang lain pula yang menanggung akibatnya.

5. Masak di luar mentah di dalam

- Kelihatan baik hati tetapi sebenarnya jahat.

6. Kalah jadi abu, menang jadi arang

- Tiada yang kalah atau menang dalam sama sahaja bagi kedua-dua pihak dalam sesuatu percaduhan, kerana kedua-dua pihak menanggung kerugian.

7. Ikut hati mati, ikut rasa binasa, ikut nafsu lesu
- Yang mengikut hawa nafsu akan musnah akhirnya.

8. Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air
- Segala-gala yang dikehendaki sudah diperoleh.

9. Ibarat telur sesangkak, pecah sebijji, pecah semua

- Kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain yang menerima akibatnya

10. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
- Tak akan tercapai maksudnya kalau tak mahu berusaha dan bersusah payah

11. Bara yang digenggam biar sampai jadi arang
- Mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar, sehingga mencapai kejayaan.

TEKNIK MENJAWAB KARANGAN CEMERLANG

Tips untuk pelajar:

- Buat 6 perenggan yang terdiri daripada 1 pendahuluan, 4 isi dan 1 penutup
- Anggarkan 70 patah perkataan bagi setiap perenggan
- Pastikan setiap perenggan seimbang kerana perenggan yang tidak seimbang menunjukkan bahawa para pelajar tidak kreatif dalam menulis karangan.

1. Pendahuluan terdiri daripada:

- ✓ Definisi
- ✓ Ayat Huraian- Para pelajar boleh menulis 2 atau lebih huraian mengikut kreativiti para pelajar
- ✓ Ayat Contoh
- ✓ Ayat Arah/Ayat Tuju

Contoh Ayat:

Dalam meranduk gelombang modenisasi pada abad ke-21 ini, dunia menyaksikan iktisad negara membangun seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Namun demikian dasawarsa ini, isu faedah kokurikulum kian menjadi polemik dalam kalangan masyarakat, ibu bapa khususnya. Secara konsepnya, aktiviti kokurikulum diasaskan oleh kerajaan untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani dan intelektual yang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan (**Definisi**). Remaja boleh diibaratkan seperti satu kertas putih yang perlu dicorak atau dilakar oleh ibu bapa untuk menjadikan seseorang remaja itu mencapai kejayaan pada masa hadapan. Ibu bapa perlu cakna terhadap perkembangan anak-anak mereka (**Ayat Huraian**). Menurut mantan Perdana Menteri kita, Tun Abdullah Ahmad Badawi, untuk melahirkan masyarakat Hadhari, kita perlu memupuk perpaduan dari akar umbi persis aforisme Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungnya (**Ayat Contoh**). Persoalannya, apakah kebaikan yang diperoleh remaja jika menyertai aktiviti kokurikulum ini? (**Ayat Arah**)

2. Isi terdiri daripada:

- ✓ Ayat Topik
- ✓ Ayat Huraian - Para pelajar boleh menulis 2 atau lebih huraian mengikut kreativiti para pelajar
- ✓ Ayat Contoh
- ✓ Ayat Penegas

Contoh Ayat:

Antara faedahnya ialah aktiviti kokurikulum dapat mengisi masa lapang remaja. Dengan adanya aktiviti ini, mereka dapat mengelakkan diri daripada membuang masa kerana sesungguhnya masa itu emas (**Ayat Topik**). Hal ini dikatakan demikian kerana mereka akan menghadiri aktiviti kokurikulum yang biasanya diadakan pada setiap petang hari rabu (**Ayat Huraian**). Dengan ini, mereka tidak akan menggunakan masa terluang mereka dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral seperti melepak, merokok, menghabiskan masa di kafe siber dan merempit. Sementelah itu, remaja dapat mengelakkan diri daripada terpengaruh oleh persekitaran yang tidak baik. Tambahnya, seseorang remaja akan menjadi liar dan tidak terkawal jika sering menghabiskan masa terluangnya dengan berkunjung ke tempat-tempat yang tidak bermoral. Hal ini juga boleh disifatkan sebagai serampang dua mata kerana remaja juga dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi ketika mentelaah pelajaran. Menurut kajian yang dijalankan, di India kes

Beribadah harus berpandukan Nas dan Dalil



DATO' Dr. Nasharudin Mat Isa

KATA - kata “Tidak Pasti, Jangan Kongsi” telah menjadi tular dalam masyarakat kita apabila fenomena penyebaran berita-berita palsu sudah semakin parah. Dengan wujudnya pelbagai media apa sahaja maklumat boleh dicapai oleh sesiapa sahaja, dan ia menjadi jauh lebih mudah. Berbagai-bagai maklumat tersebar walaupun belum pasti lagi kebenarannya, dan menjadi tular dalam beberapa detik sahaja dari waktu ia mula diciptakan dan disiarkan.

Dalam realiti ini, antara maklumat yang menjadi pilihan untuk disebarluaskan dalam kalangan warga maya di media sosial ialah hal-hal yang berkaitan dengan agama. Ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Baginda Rasulullah SAW, kata-kata hikmah oleh kalangan ulama; pelbagai tazkirah dan sebagainya telah menjadi trend dan ia cukup popular.

Jika kita ambil fenomena ini dari sudut yang positif, ia kelihatan seperti trend yang sihat dan perlu disokong oleh masyarakat. Kita tidak menafikan bahawa tidak ada kehidupan yang lebih baik melainkan kehidupan yang berpandukan arahan, peraturan

dan perintah agama.

Walaupun demikian, apabila perkara ini berkaitan dengan agama, ia satu perkara yang sangat penting untuk diambil perhatian dan dilakukan secara berhati-hati. Satu-satu perkara, keputusan ataupun tindakan yang dikaitkan dengan agama seharusnya dibina atas panduan yang betul dan tepat. Bukannya atas kesedaran semata-mata, ataupun ikut-ikutan yang tidak berteraskan wahyu Allah SWT dan Sunnah Baginda Nabi SAW.

Contoh yang paling mudah untuk dilihat pada hari ini ialah sebaran atau tularan yang berkaitan dengan kedatangan bulan Rejab. Ungkapan ‘Salam Satu Rejab’, ‘Selamat Menyambut Kedatangan Bulan Rejab’ dan yang seumpamanya menunjukkan ia seolah-olahnya suatu perayaan atau hari kebesaran dalam agama Islam. Tidak kurang juga ada kalangan mereka yang menyebarkan kelebihan-kelebihan bulan ini dengan amal ibadat tertentu, dan dikaitkan dengan hadis-hadis tertentu daripada Baginda Nabi SAW.

Sehubungan dengan perkara ini Sheikh Yusuf al-Qaradhawi dalam mengulas perkara ini telah menyatakan bahawa, “(Sebenarnya) Tidak ada satu hadis yang sahih pun, yang menyebut tentang bulan Rejab melainkan ia merupakan salah satu daripada bulan-bulan haram seperti mana yang disebut oleh Allah SWT di dalam kitab-Nya.”

Dalam hal ini kita boleh merujuk Surah at-Taubah, ayat 36, yang bermaksud, “...daripadanya empat bulan haram.” Keempat-empat bulan haram itu ialah Rejab, Zulkaedah, Zulhijah dan Muhamarram.

Sememangnya tidak ada satu hadis yang sahih pun yang mengisahkan secara khusus tentang kelebihan-kelebihan ter-

tentu bulan Rejab. Apa yang ada hanyalah satu hadis Hasan yang berkaitan dengan bulan Rejab, dan hadis tersebut merupakan galakan untuk memperbanyak puasa ketika bulan Syaaban.

Dalam perkara ini Rasulullah SAW telah ditanya dan Baginda menjawab bahawa ia merupakan bulan yang ramai manusia lalai dan kedudukannya yang berada di antara Rejab dan Ramadan. Dari sinilah sesetengah manusia cuba menyimpulkan terdapatnya ‘kelebihan’ pada bulan Rejab.

Seterusnya terdapat kata-kata yang didakwa sebagai hadis yang berbunyi, “Rejab bulan Allah, Syaaban bulanku dan Ramadan bulan umatku.” Ia hadis yang mungkar dan dhaif. Malahan ramai kalangan ulama yang mengategorikannya sebagai hadis maudhu’ iaitu satu pembohongan yang tidak mempunyai sebarang nilai ilmiah malah pun keagamaan.

Terdapat juga hadis-hadis lain yang mengisahkan tentang bulan Rejab dengan mengatakan bahawa, sesiapa yang melakukan solat tertentu atau beristighfar dengan jumlah tertentu pada bulan tersebut akan memperoleh pahala tertentu. Sedangkan sebenarnya semua kenyataan berkenaan hanyaalah pembohongan semata-mata. (Sila rujuk: <https://archive.islamonline.net/69>)

Selanjutnya dalam hal ini, Darul Ifta Mesir pula menyebut bahawa al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani dalam risalah beliau telah menyatakan bahawa hadis-hadis yang berkaitan dengan kelebihan bulan Rejab telah dikumpulkan, dan beliau menemui 11 buah hadis yang dhaif dan 21 buah hadis maudhu’. Antara hadis dhaif yang sering disebut berkaitan dengan Rejab ialah:

“Sesungguhnya di dalam syurga itu ter-

dapat sebatang sungai yang dikenali sebagai Rejab yang warnanya lebih putih daripada susu, dan rasanya lebih manis daripada madu. Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Rejab satu hari, maka dia akan diberi minum oleh Allah SWT dari sungai tersebut.”

Contoh lain yang didakwa sebagai hadis seperti mana ia menyebut:


“Ya Allah! Berikanlah keberkatan kepada kami pada bulan Rejab dan Syaaban, dan sampaikanlah kepada kami bulan Ramadan.”

Kedua-dua hadis ini adalah dhaif. Maknakan antara hadis maudhu’ yang berkaitan dengan bulan Rejab pula menyebut bahawa Rasulullah SAW mendirikan solat sebanyak 14 rakaat pada malam pertengahan bulan Rejab dengan bacaan-bacaan dari surah-surah tertentu. (Sila rujuk: <http://www.al-masryalyoum.com-/news/details/2255548>)

Berdasarkan pandangan-pandangan ini, sememangnya amat wajar untuk kita bersama-sama ghairah dalam melaksanakan ibadah, menghidupkan syariah dan meninggikan syiar Islam. Walau bagaimanapun, syiar Islam yang hendak dimuliakan dan ditinggikan ini seharusnya selari dan bertepatan dengan tuntutan syariah.

Sementara amalan berdoa, berzikir dan mengingati Allah itu merupakan tuntutan yang seharusnya sentiasa ada pada diri kita sebagai individu Muslim tanpa mengaitkannya dengan masa-masa tertentu seperti hari atau bulan-bulan yang khusus, melainkan sekiranya wujud nas dan dalil yang jelas yang memerintahkan kita sebagai umat Islam untuk melakukannya.

Penulis merupakan Pengurus Yayasan Nassar






PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN

I begin with an old narrative. I am rehearsing this week's column with the mention on the history of Penang, or of George Town. Immediately one sees the image of Francis Light, as 'founder' and 'discoverer.' That image lends a powerful story on the 'origins' of the island, completely severing it from Kedah. And even when I wrote critical perspectives of what I would appropriate henceforth as Pulau Pinang in the Malay press, much with the purpose of decentering Light and the East India Company (EIC), the editors would still moor toward the image of Francis Light.

Light and the colonial perspective suffer from the logic of over-representation; more precise, of misrepresentation. The name 'Penang' is not correct. It is a corruption of the word 'Pinang.' And why would there be two spellings for the state, and not like that of Melaka, regardless of the language used. I am referring to popular narratives. But also check the Federal Constitution on the provision of names of states in the federation – the Bahasa Melayu and English versions. The English-language press would state the name as 'Penang' whereas the Bahasa Melayu ones as 'Pulau Pinang.'

In early July of 2020, the vandalizing and defacing of Light's statue received much publicity. One newspaper reported it as "The statue of Captain Francis Light, founder of George Town, has been defaced with red paint splashed on it." It further stated that "The statue was erected 84



years ago to commemorate Light's contribution to the founding of George Town." Both "founder of George Town" and "founding of George Town" are fallacious – the all too familiar colonial template. The

union between Light and Martina/Martinha Rozells, Light's 'Serani wife,' is usually identified as a Thai-Portuguese Eurasian lady. The name Rozells is French. Some have suggested that she was a lady from the

based firm Jourdain, Sulivan & Desouza. This makes him a 'country trader' – the owner/captain of trading vessels in the region - a 'nakhoda', one of the thousands who plied the seas and straits in the Archipelago and the

position of "superiority and a form of imperial hauteur," at the same time, a servant of the Sultan "who metaphorically prostrated himself in the dust underneath the soles of the sultan's royal feet."

Remember that a large part of his life was away from mainstream English society. Despite his recalcitrance with the Kedah rulers, and cited by historians as breaching the standards of international law in illegally occupying the Kedah island, Light was a cultural 'native' of the region.

As it is thus far known, Light was the first European in the Archipelago who mobilized himself from within indigenous Malay society. Figures like Nakhoda Scott and Nakhoda Glass were Light's "brothers in his Malay affairs." Light himself, and the EIC apparatus that he introduced to the picture, echoed the waves and ripples to European expansion in history.

Light's sentiment on the region's ethnography could be seen from the name of his other son born in Pulau Pinang in 1791 - Francis Lanoon/Lanun Light. His descendants is the Capel family in Pulau Pinang.

On the other hand, the many episodes and encounters between the Kedah Sultanate and Francis Light (and the EIC) indicate a common Malay view toward the British and the Europeans. To the Kedah rulers, the Europeans were another "wandering sea lord" – a nakhoda.

PADANG KOTA LAMA



(Indian) Ocean over the centuries. They were the purveyors of trade and cultural interactions along the littoral areas of the Malay Peninsula, Sumatra, Java and Borneo before colonial conditions.

Light initially placed himself at Ujung Salang (now Phuket, also known as Thalang, and Junk Ceylon, the latter could be a corruption of 'Ujung Salang'). There he was searching for suitable ports to trade, traversing much of the islands on the Western part of the Archipelago, taking to himself to learning the ways of the Malays. He was fluent in Bahasa Melayu, and Jawi, intimate with Malay customs and culture. For some 23 years in the region, Light had engaged with Malay society, their rulers and dignitaries. One account from Phuket described himself as wearing the *baju Melayu* and the *kain pelikat*, with the occasional *songkok*.

It has been suggested that Light be viewed as the European representative of an international community of traders "who operated entirely within local rules and conventions and had been absorbed into local political, administrative, social and economic." One scholar of Malay letters and philology who has closely studied the Francis Light Letters at the archives of the School of Oriental and African Studies, University of London insisted that Light represented the EIC and the larger outcome of the dynamics of European geopolitical expansion. This implies a

NEXT WEEK: Unveiling Tempo

***Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.**

Apakah itu GERD?



DR. SHANKAR GUNARASA



GASTROESOPHAGEAL reflux disease (GERD) atau lebih di kenali masyarakat umum sebagai asam atau asid lambung, merupakan penyakit yang kerap berlaku kepada masyarakat kita. GERD terjadi ketika asid lambung meresap ke atas kerongkong dan memberi iritasi kepada lapisan oesophagus. GERD memang memiliki simptom yang tidak jelas, yang membuatkannya mudah terkeliru dengan simptom kesihatan lain. Ianya seringkali di kaitkan dengan masalah jantung. Jika masalah GERD tidak di tangani dengan awal, ianya boleh menyebabkan barah oesophagus di dalam jangka yang panjang, masalah oesophagitis(keradangan oesophagus) dan yang paling teruk ialah masalah pernafasan.

Antara simptom simptom yang sinonim untuk masalah GERD ini adalah :

- **Tekanan pada dada.**
- **Nafas berbau.**
- **Air liuh berlebihan.**
- **Kesulitan menelan.**
- **Masalah pernafasan.**
- **Tersedak di malam hari.**
- **Batuk yang berlamaan atau seringkali batuk apabila bertutur.**

Bagaimanakah masalah GERD boleh berlaku? Pada penghujung oesophagus ada satu lingkaran otot dikenali sebagai sphincter esophagus bawah (LES) yang akan menjadi pintu sebelum bersambung ke perut.

Sekiranya fungsi LES terjejas atau otot esofagus menjadi lemah, sphincter tidak dapat tertutup dengan sempurna dan ini di panggil hernia hiatus. Keadaan ini menyebabkan asid dan kandungan dalam perut naik semula (refluks) ke dalam oesophagus. Apabila asid di perut terkena lapisan oesophagus, ia akan menyebabkan keradangan. Faktor-faktor yang boleh menyebabkan kelonggaran sphincter LES adalah masalah obesiti di mana tekanan abdomen di oesophagus boleh menyebabkan LES menjadi longgar. Begitu juga dengan merokok di mana kesan nikotin boleh memberi kesan kelonggaran kepada LES. Faktor lain yang boleh menyumbang kepada masalah ini adalah minuman teh atau kopi berlebihan yang mengandungi kafein, terlalu banyak memakan makanan yang pedas, berlemak dan bergoreng dan juga sesetengah jenis ubatan seperti aspirin, ibuprofen dan NSAIDS.

Ada beberapa ujian untuk mengenalpasti masalah ini. Antaranya ialah :


1) Endoskopi

- OGDS dilakukan dimana skop yang berhujungkan kamera di masukkan melalui mulut dan melihat struktur di hujung oesophagus.
- Biopsy juga akan di lakukan untuk melihat masalah lain seperti Barrets Oesophagus.

2) Oesophageal manometry

Prosedur ini dilakukan dengan memasukkan tabung lentur ke dalam oesophagus melalui mulut yang mempunyai chip untuk merekodkan tekanan di hujung oesophagus

- Hasil ujian akan menunjukkan seberapa baik fungsi LES atau sphincter di hujung oesophagus, termasuk pergerakan otot oesophagus untuk tujuan peristalsis.



3) Ukuran ph oesophagus

- Sama juga dengan cara manometry tetapi di sini ujian ph di lakukan untuk menguji tahap asid di oesophagus yang disebabkan oleh kelonggoran di LES.

- Selalu di lakukan untuk pesakit sekiranya pembedahan anti-reflux perlu di lakukan.

Untuk merawat masalah ini ubatan akan di mulakan terlebih dahulu, antaranya ialah :

Penghadang H2 Receptor

- Seperti cimetidine dan ranitidine yang membantu mengurangi produksi asam lambung dalam waktu yang cukup lama iaitu sehingga 12 jam.

Penghambat proton pump (PPI)

- Termasuk lansoprazole, pantoprazole yang membantu mengurangkan produksi asam lambung dalam waktu yang cukup.
- Ubatan ini bekerja langsung pada sel-sel

lambung untuk menurunkan produksi asam.

Antasid

- Sekiranya semua ubatan yang telah dicuba gagal untuk merawat masalah GERD ini, maka pembedahan anti-reflux terpaksa dilakukan. Ia boleh dilakukan secara laparoskopik dan di panggil fundoplication. Fundoplication dilakukan dengan mengikat bahagian atas perut iaitu fundus di sekeliling penghujung oesophagus. Tujuannya adalah untuk mengetatkan otot pada LES untuk mengelakkan asid lambung berlaku. Pemulihian dari pembedahan ini akan mengambil masa 2 ke 3 minggu.

- Tetapi untuk mengelakkan pembedahan atau ubatan, cara yang terbaik ialah mengikuti cara pemakanan yang baik dan gaya hidup yang sihat.

Elakkan

- Memakan makanan yang bergoreng, makanan berlemak dan makanan pedas yang banyak. Makan sahaja berperingkat.


- Tidak langsung berbaring setelah makan. Sebaiknya berikan masa 2-3 jam untuk berbaring selepas makan.

- Meninggikan posisi kepala semasa tidur menggunakan bantal yang ditumpuk. Posisi kepala yang lebih tinggi daripada tubuh membantu mengurangkan sakit pada ulu hati kerana asid lambung.


- Menghindari merokok dan meminum arak

- Mengelakkan obesiti

Gastroesophageal reflux disease



Healthy



GERD

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah GERD ini, anda boleh berhubung dengan **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopik dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**

Selamat Menjawab Buat Calon SPM Pastikan Kecemerlangan Milik Anda



PROFESOR MADYA
Datuk Dr Norliah Kudus



PERTAMANYA, penulis mengucapkan 'Selamat Menjawab' kepada semua calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di seluruh negara yang akan mula menduduki peperiksaan pada Isnin ini.

Semoga hari-hari akhir persekolahan ini dan sepanjang tempoh peperiksaan ini, pastinya calon-calon SPM, SPV dan STPM ini akan lebih tabah, tenang, sabar, bersemangat dan yakin di dalam menempuh ujian ini.

Diharapkan artikel ini juga akan menjadi buah tangan istimewa dan cenderahati unggul buat seluruh calon, para sahabat ibu bapa dan juga para pendidik. Semoga kita dapat bersama-sama membantu anak-anak kita menghadapi perjuangan mereka dan berusaha memutuskan rantaian COVID-19 ini.

Menurut Menteri Kanan Pendidikan, Dr Mohd Radzi Md Jidin menjelaskan bahawa jumlah calon yang berdaftar untuk menduduki SPM 2020 adalah seramai 400,445 pelajar, manakala SVM pula seramai 8,371 pelajar dan STAM adalah seramai 7,996 orang pelajar.

Bagi calon STPM pula adalah seramai 47,008 orang pelajar yang akan bermula pada 8 Mac akan datang.

Melalui tempoh peperiksaan ini, mari lah kita sebagai ibu bapa bersama-sama memastikan tahap kesihatan serta keselamatan anak-anak serta mendoakan kejayaan mereka. Semoga anak-anak ini akan terus konsisten, tenang dan berasa yakin untuk menempuh cabaran akhir bagi sesi pembelajaran di sekolah menengah.

PEMATUHAN SOP COVID-19

Di Malaysia, wabak COVID-19 telah memberikan kesan yang besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan negara. Sesungguhnya pandemik COVID-19 ini juga telah banyak mengubah lanskap kehidupan manusia hari ini serta memberikan kita pelbagai pengalaman dan pengajaran.

Ianya juga telah berjaya mendidik rakyat Malaysia untuk hidup dalam norma baharu ke arah menggunakan teknologi secara mak sime.

Pandemik COVID-19 adalah sejarah dunia yang anak-anak kita terlibat dalam sejarah ini termasuk kita semua. Tidak terbay ang difikiran kita pelbagai cabaran yang mereka hadapi sebegini rupa. Namun kita perlu hadapinya dengan tenang, sabar dan redha.

Sepanjang tempoh PKP sejak bermula 18 Mac 2020 tahun lalu hingga kini, sebahagian rakyat kita juga telah mengalami tekanan psikologi yang meliputi rasa takut (fear), cemas (panic), tertekan (stress), bimbang (anxious) dan murung (depress).

Sebagai ibu bapa, kita perlu membantu anak-anak kita mengharungnya tempoh peperiksaan mereka ini dengan selamat dan lancar selain meraih keputusan peperiksaan yang cemerlang. Bantuan yang paling penting ketika tempoh peperiksaan ini ialah pematuhan SOP COVID-19 sama ada di rumah, di sekolah, di asrama mahupun di luar rumah.

KETENANGAN EMOSI

Sebaik-baiknya ibu bapa memberikan anak-anak ini peluang untuk membuktikan kejayaan mengikut tahap keupayaan dan kekuatan mereka. Janganlah ibu bapa meletakkan harapan yang tinggi kerana ini bakal memberikan risiko tekanan emosi pada anak-anak kita.

Pastinya kita sentiasa memberikan kata-kata semangat daripada membebali, apakah lagi ada sikap membanding-bandingkan dengan kekuatan orang lain.

Bagi ibu bapa yang anak-anaknya tinggal di asrama, janganlah tunjukkan kesedihan dan ratapan kerinduan pada anak-anak. Hal ini mampu mengganggu emosi dan kosentrasi mereka. Apa yang ibu bapa perlu lakukan ialah anda perlu menjadi lebih kuat dan positif.

Galakkan anak-anak kita berjuang hingga ke garisan penamat dengan lancar. Tunjukkan kepada mereka bahawa kita sebagai ibu bapa adalah model dan idola kekuatan mereka.

Kawal emosi ketika berhubung dengan anak-anak dan yang paling penting jangan kongsikan masalah atau aktiviti kita di rumah yang boleh mengundang perasaan terkilan pada anak-anak kita.

Memetik perkongsian sahabat baik saya Cikgu Nasaruddin Rahmat (2021) yang menjelaskan bahawa pelajar-pelajar ini sedang mencipta sejarah, maka pastikan mereka meraih sejarah yang manis dan kenangan

yang indah dalam hidup mereka. Setidak-tidaknya, kita juga menjadi sebahagian dari lataran sejarah mereka.

PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Norma baru dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga telah menyebabkan sistem pendidikan negara kita ke arah menggunakan teknologi secara maksima melalui pembelajaran dalam talian. Pelajar sekolah dan juga mahasiswa universiti mengikuti kelas secara dalam talian.

Penulis merumuskan bahawa bahawa kaedah pembelajaran secara dalam talian amat signifikan. Kalau dahulunya ia merupakan kaedah luar biasa, tetapi kini ianya telah menjadi norma baharu oleh semua pelajar, guru, mahasiswa dan pensyarah.

Penulis mendapat banyak kajian yang dilakukan ketika pandemik ini menunjukkan bahawa pembelajaran atas talian ini amat popular dengan menggunakan pelbagai aplikasi seperti Google Meet, Google Classroom, Zoom, Webex dan sebagainya sebagai platform terbaik dalam mengikuti kelas dalam talian, perbincangan dan juga mesyuarat.

Walau bagaimanapun, kita akui terdapat banyak cabaran bagi sesetengah pelajar dari golongan berpendapatan rendah atau tinggal di luar bandar adalah kumpulan terpinggir daripada pembelajaran secara dalam talian ketika penutupan sekolah.

PERANAN PEPERIKSAAN

Penulis begitu yakin dan percaya bahawa seorang pelajar itu tidak dapat lari daripada menghadapi peperiksaan bagi meneruskan perjalanan pembelajaran. Ini kerana peperiksaan adalah merupakan saringan awal ke lajuan seterusnya untuk mencapai cita-cita pada masa akan datang.

Setiap peperiksaan itu adalah merupakan pintu gerbang untuk mendapatkan kejayaan di dalam perjuangan menuntut ilmu. Menghadapi peperiksaan perlu untuk mengesahkan kelayakan pelajar untuk terus melangkah ke peringkat yang lebih tinggi.

PENGHARGAAN BUAT GURU DAN PELAJAR

Guru diibaratkan seperti 'sebatang lilin,

sanggup membakar diri' untuk menerangi sekelilingnya. Sumbangan dan jasa guru sebagai pendidik begitu banyak sekali. Tanpa guru mungkin tidak akan lahirnya seorang doktor, jurutera, peguam, pensyarah, hakim, wakil rakyat, Perdana Menteri dan banyak lagi.

Pelbagai cabaran diharungi sepanjang tempoh PKP sejak Mac 2020 hingga tahun 2021 ini, namun para guru tetap memainkan peranan utama sebagai penyampai ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar.

Guru-guru ini telah bersedia dan bertungkus lumus melaksanakan pembelajaran dalam talian mengikut jadual dengan menggunakan modul bercetak dan penyediaan bahan-bahan pembelajaran yang terdapat di internet seperti YouTube dan sebagainya.

Penulis mewakili seluruh sahabat ibu bapa mengucapkan "Terima kasih Cikgu", restulah dan redhakan segala ilmu yang telah dicurahkan kepada anak-anak kami semua.

Semoga ungkapan signifikan ini sebagai tanda penghormatan dan penghargaan bermakna buat semua para guru di seluruh Malaysia dalam mencerahkan kepahanan mendidik, membimbing, memecahkan kegagalan dan kejahilan yang menyelubungi pemikiran serta hati anak bangsa kami.

Insy Allah berbekalkan doa, usaha, ikhtiar dan semangat jati diri yang teguh, ianya bakal menjadikan para pelajar sebagai individu 'ulul albab' yang cemerlang lagi terbilang. Didoakan mereka ini juga bakal menempa kejayaan yang lebih besar dan mencontohi kecemerlangan mereka yang telah berjaya.

Ayah, sasarkan keputusan yang terbaik. Malaysia Boleh, Melaka Terbilang, Kita Hebat. Bertemu kita dipuncak kejayaan. Jom! Masuk Universiti. Akhir bicara, 'Selamat Menduduki Peperiksaan', 'All The Best' dan 'Good Luck' buat semua calon SPM, SVM, STAM dan STPM.

Penulis adalah dari Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

FAMA
Johor juga
menganggarkan
untuk
meningkatkan
lagi kuantiti
belian sehingga
31 metrik tan
melibatkan nilai
belian RM31,000,
katanya.



GHAZALE (dua kanan) menunjukkan produk dihasilkan yang menggunakan nanas Morris ketika hadir ke program Promosi Nanas Morris Johor di Pasar Tani Jasin, pada 17 Februari lepas.

FAMA bantu Johor jual nanas Morris RM1 sebiji



GHAZALE menyerahkan nanas Morris kepada salah seorang pembeli yang berkunjung ke Pasar Tani Jasin.

Kursus keusahawanan bantu peserta lebih berdaya saing

AYER KEROH - Kursus Keusahawanan Atas Talian dan Kursus Keusahawanan Digital anjuran Institut Tun Perak (IPT) yang diadakan baru-baru ini, dilihat sebagai antara inisiatif untuk membantu rakyat negeri ini yang berminat dalam bidang perniagaan.

Bagi salah seorang peserta, Muhammad Faiz Zikri Mosdi, 23, berkata kursus itu ternyata memberi pendedahan kepada usahawan untuk mempromosi produk mereka lebih meluas.

"Kita bukan hanya belajar dari segi praktikal, malah diberi pendedahan mengenai bahan yang boleh membantu dalam bidang pemasaran."

"Selain teori, kita dapat bantu antara satu sama lain untuk memperluaskan perniagaan," katanya yang berminat menjadi usahawan sejak usia 15 tahun.

Jelasnya, inisiatif itu sekali gus membantu usahawan di Melaka untuk terus kekal bertahan dan berdaya saing sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

"InsyaAllah akan datang kita boleh menembusi ke pasaran lebih luas hingga ke antarabangsa," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Seorang lagi peserta, Maznah khazali, 41, pula berkata, penyertaan dalam kursus itu memberi impak kepada semua peserta mempelajari ilmu digital.

"Alhamdulillah dapatlah sedikit ilmu untuk bermula selepas ini, setakat ini saya belum ada apa-apa perniagaan, mungkin selepas ini saya cuba bidang ini pula."

"Melalui kursus ini, saya dapat belajar cara bagaimana untuk menghasilkan gambar supaya nampak menarik serta penggunaan ayat-ayat yang sesuai untuk Facebook atau Instagram bagi menarik pelanggan," katanya.

Katanya, sebelum ini dia juga pernah berhajat untuk membuat perniagaan kain batik dari Langkawi secara atas talian.

"Ada terfikir juga niaga, cuma bukanlah dalam masa terdekat ni," katanya.

MUHAMMAD FAIZ



nanas Morris memang mendapat permintaan tinggi kalangan pengguna di negeri ini dan setakat ini FAMA Melaka sudah memasarkan keseluruhan 6,000 biji.

"Pagi ini sahaja (17 Februari), kita bawa 2.5 tan nanas dari Johor yang dijual pada harga serendah RM1 dan habis dijual dalam tempoh sejam dari 9 pagi," katanya.

Katanya, setakat 15 Februari lepas, FAMA Johor telah membeli 118.17 metrik tan nanas Morris dengan nilai RM60,207.

"Bekalan itu diagihkan kepada FAMA Melaka untuk dipasarkan di semua rangkaian agensi termasuk Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat, gerai buah-buahan segar dan pasar tani."

"FAMA Johor juga menganggarkan untuk meningkatkan lagi kuantiti belian sehingga 31 metrik tan melibatkan nilai belian RM31,000," katanya.

Ujarnya, bagi mengelakkan masalah sama berulang, FAMA telah menujuhkan satu 'task force' untuk memastikan pelan tindakan pemasaran yang berkesan melalui pusat operasi FAMA dan outlet pemasaran FAMA di seluruh negara.

Liana Sahabudin

RIM – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil langkah proaktif bagi membantu memasarkan nanas Morris dari Johor pada harga RM1 sekali gus mengelakkan lambakan hasil tani itu dan kerugian kepada pekebun.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Ghazalee Muhammad berkata, ia rentetan berlakunya lambakan nanas Morris yang tidak dapat dijual di Johor baru-baru ini.

"Kita sedia maklum dalam dua tiga hari ini ada lambakan nanas di Johor melibatkan daerah Muar, Kluang dan Batu Pahat.

"Lambakan ini berpunca daripada pembatalan pembelian oleh pihak pemborong terhadap pekebun mengikut jadual pengeluaran ditetapkan, jadi FAMA Melaka dan Johor ambil inisiatif membeli hasil tani mereka (nanas) dan dijual di pasar tani dan juga outlet FAMA yang ada di negeri ini," katanya pada sidang media selepas Program Promosi Nanas Morris Johor di Pasar Tani Jasin, pada 17 Februari lepas.

Mengulas lanjut katanya,

Japerun Pantai Kundor sedekah bubur lambuk

Din Ahmad

PANTAI KUNDOR – Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Pantai Kundor memulakan amalan bersedekah bubur lambuk, baru-baru ini.

Lazimnya amalan bersedekah bubur lambuk dilakukan pada Ramadan tetapi ia boleh dibuat di luar Ramadan kerana sedekah adalah ibadah yang dituntut sepanjang waktu.

Bagi Japerun berkenaan, amalan itu dimulakan pada 5 Rejab dengan menjadikan Masjid Ibadur Rahman, Tangga Batu sebagai penerima pertama.

Sebanyak 160 paket bubur lambuk diedarkan kepada jemaah masjid sejurus selepas solat Asar berjemaah sempena hari pertama bubur itu dihasilkan pada 16 Februari lepas.

Pengerusi masjid, Samsudin Ajis, 69, berkata anak kariah Kampung Tangga Batu bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Da-

“Sebanyak 160 paket bubur lambuk diedarkan kepada jemaah masjid sejurus selepas solat Asar berjemaah sempena hari pertama bubur itu dihasilkan pada 16 Februari lepas.”

tuk Nor Azman Hassan kerana menyediakan juadah itu.

“Alhamdulillah, syukur kepada Allah dan terima kasih kepada wakil rakyat kami yang bermurah hati menyediakan bubur lambuk walaupun bukan pada Ramadan.

“Amalan bersedekah pada Rejab sekarang insya-Allah akan dicatatkan sebagai amalan jariah dan jika dilakukan pada Ramadan pahalanya berlipat ganda,” katanya selepas menerima bubur lambuk daripada Nor Azman baru-baru ini.

Abdul Ghani Md Ali, 47, berkata beliau agak terkejut menerima bubur lambuk sejurus selepas selesai menuanikan solat Asar kerana laminya ia dibuat pada Rama-

dan.

“Alhamdulillah, semoga amalan ini diteruskan pada Ramadan bagi membolehkan fakir miskin menikmati makanan enak seperti bubur lambuk,” katanya.

Nor Azman berkata, sukarelawan memasak bubur lambuk di pejabat Japerun Pantai Kundor setiap Selasa dan Khamis untuk diedarkan di sembilan masjid dan 16 surau dalam DUN berkenaan.

“Japerun Pantai Kundor menyediakan peruntukan RM500 untuk sekali masak bubur lambuk untuk masjid dan RM250 bagi sekali masak untuk surau.

“Hari ini (16 Februari), kami memulakan pengedaran bubur lambuk di Masjid Iba-



NOR Azman (kanan) menyerahkan bubur lambuk kepada Samsudin di Masjid Ibadur Rahman, Tangga Batu, baru-baru ini.

dur Rahman kerana masjid ini sudah diangkat sebagai Masjid DUN Pantai Kundor,” katanya.

Beliau berkata, amalan itu akan diteruskan pada Ra-

madan yang dijadualkan bermula pada pertengahan April depan.

Katanya, sepanjang Ramadan tahun lalu, Japerun berkenaan tidak terlepas

untuk menyediakan juadah berkenaan pada hari tertentu yang diselangselikan dengan pemberian ayam dan telur untuk orang ramai, terutama fakir miskin.

Dilema abang bas

PERINGGIT – “Biarpun Melaka kini di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kami berharap dibenarkan untuk merentas negeri bagi menarik lebih ramai penumpang yang boleh menggunakan perkhidmatan kami,” luah P. Munis-

waran, 47, antara pemandu bas ekspres yang terjejas sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Menurutnya, kebanyakan trip perjalanan antara negeri terpaksa ditunda disebabkan pintu sempadan daerah dan negeri masih di-

tutup, selain hanya menerima beberapa penumpang sahaja yang mempunyai surat kebenaran polis, setiap hari.

Katanya, pernah satu ketika hanya ada empat penumpang saja dan trip itu terpaksa ditunda disebab-



LENGANG... hanya beberapa penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas ekspres setelah diberi kebenaran merentas negeri tidak mendatangkan keuntungan buat syarikat bas ekspres di Melaka Sentral.



MUNISWARAN



SUBRAMANIAM

kan merugikan untuk perjalanan dari Melaka ke utara.

“Bila syarikat terpaksa membantalkan trip perjalanan, maka gaji kami pun akan terkesan kerana kami bukan saja bergantung kepada gaji pokok malah bayaran setiap trip perjalanan.

“Saya harap PKPB kali ini mampu memberi peluang kepada semua sektor terutama pelancongan Melaka yang beroperasi semula dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang sangat ketat,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Tinjauan Melaka Hari Ini di Melaka Sentral mendapati suasana lengang di balai pelepasan antara negeri dengan hanya 15 penumpang sedang menunggu ketibaan bas masing-masing.

Keadaan itu juga menjadikan

hanya dua kaunter tiket berpusat beroperasi dan rata-rata kaunter tiket elektronik ditutup sementara.

Sementara itu M. Subramaniam, 63, berharap ‘kesengsaraan’ yang dihadapi pemandu sepertinya terus diberi perhatian oleh kerajaan disebabkan hilang punca pendapatan.

“Sepanjang hidup ini kali pertama saya hadapi situasi seperti ini sehingga kadangkala tidak bekerja disebabkan banyak trip yang ditunda.

“Jika sebelum ini dalam sebulan saya mampu membawa lebih 15 trip perjalanan pergi dan balik serata negeri terutama ke utara, namun sekarang tidak sampai 10 perjalanan dalam sebulan,” katanya yang hambar 25 tahun menjadi pemandu bas ekspres.

Pusat kecantikan SPA mula terima tempahan

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Meskipun belum dibuka selepas diumumkan antara sektor perniagaan yang dibenarkan beroperasi, pemilik spa sudah menerima tempahan untuk memberikan perkhidmatan kecantikan kepada pelanggan.

Pemilik spa Zana Muslimah SPA, Suzana Abu Talib berkata sebagai persediaan sebelum beroperasi sepenuhnya pada 19 Februari lepas, dia sudah mengarahkan kakitangan menjalankan rutin kebersihan dan proses sanitasi di dalam premis sebaik kerajaan membuat pengumuman itu.

Katanya, kakitangannya seramai empat orang juga mula menjalankan aktiviti pemasaran bagi menarik perhatian pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan kecantikan dan kesihatan di spa miliknya.

"Walaupun dalam keadaan masih ditutup sebelum ini, kami sentiasa berkomunikasi dengan

pelanggan melalui platform media sosial dan rata-ratanya pelanggan tidak sabar untuk memanjakan diri di pusat kecantikan kami.

"Alhamdulillah, maklum balas diterima daripada pelanggan amat baik sekali dan kami tidak sabar untuk memulakan perniagaan dan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

"Sebagai usahawan di dalam industri kecantikan spa, saya berasa amat lega apabila kembali beroperasi dan lebih bersedia kali ini untuk memberikan perkhidmatan dalam keadaan norma dan SOP (prosedur operasi standard) bagi memastikan perniagaan kembali bangkit dengan risiko yang rendah," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.



SUZANA

Suzana berkata, dia bersama pengusaha spa yang lain mengadakan mesyuarat bersama Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) secara atas talian bagi mendapatkan pensijilan SOP untuk beroperasi dalam keadaan norma baharu.

Menurutnya, meskipun tidak beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 sebelum ini namun dia tidak mengalami sebarang masalah untuk menjana pendapatan dalam tempoh itu kerana masih mempunyai perniagaan atas talian.

"Ini secara tidak langsung mengelakkan keempat-empat pekerja untuk terus bekerja dan menjana sumber pendapatan," katanya.



KAKITANGAN Zana Muslimah SPA menjalankan rutin kebersihan sebelum memulakan operasi.

RESIDENSI
Bukit Katil

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka




DISKAUN REBAT
10% + 10%*

HARGA BERMULA DARIPADA
RM 186,300*

*Tertakluk pada terma & syarat

Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini



JENIS B1: 1,000 kps
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

**AG BUMI
HARTANAH**

RAKAN JUALAN PR1MA (AG BUMI HARTANAH)

510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka

Pejabat: 06 - 286 5120

E-mel: wiramagr@gmail.com

Iasnin - Jumaat

(9.00 Pagi - 5.00 Petang)



www.pr1ma.my

Ibu Pejabat PR1MA

03 - 7628 9898

Isrin hingga Ahad (9.00 pagi - 6.00 petang)
E-mel: info@prima.my

Muat turun aplikasi PR1MA sekarang



PEMAJU: PRIMA CORPORATION MALAYSIA GALERY: TINGKAT BAWAH, BLOK F, NO. 2, JALAN PJU 1A/7A, OASIS DAAMANSARA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR • TEL: 603-7495 8888 FAX: 603-7840 0268 • Nombor lesen Peragu: 14/69-4501-2021/014331Q • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 - 15/1/2021 • Nombor Permit Iklan dan Jalan: 14/69-4501-2021/014331P • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 - 15/1/2021 • Pintar Berkusa Majlis Bandaraya Melaka Persejerahan • Nombor Perlesenian Dilekatkan: MRMB/KB/CD/1/02/2016/9 • Pembangunan Perumahan: Residensi Buli Katil • Bilangan Unit: 527 • Jenis Rumah: Apartment • Harga Jenis A (minimum) RM20,000 (maximum) RM30,000 • Harga Jenis B (minimum) RM25,000 (maximum) RM297,000 • Harga Jenis C (minimum) RM250,000 (maximum) RM257,000 • Pegangan Tanah: Pegangan Bebas Tanah Adat Melaka • Sekatan Keperingatan: Tiada • Belahan Tanah: Tiada • Tarikh Dijangka Siap: Mac 2023



SULAIMAN bersama pemain baharu MUFC, Stefan Nikolic (dua kiri), Khairul Helmi (tiga kanan) dan Wan Zaharulnizam (dua kanan) pada Majlis Menandatangani Pemain Baharu MUFC di Seri Negeri, Ayer Keroh, pada 17 Februari lepas. Foto FB Melaka United FC

MUFC ikat penyerang Montenegro

Liana Sahabudin

KELAB Bolasepak Melaka United (MUFC) membawa masuk dua pemain tempatan dan seorang pemain import bagi memperkuatkan pasukan itu memburu kedudukan terbaik dalam Liga Super akan datang.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali yang juga Presiden Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) berkata, beliau tidak meletakkan sasaran terlalu tinggi pada musim itu, namun akan memperbaiki pencapaian pada musim lalu.

"Hari ini berlangsung upacara menandatangi kontrak seorang lagi pemain import baharu yang juga import terakhir pasukan Melaka United sebelum saingan Liga Malay-

sia 2021 membuka tirai pada 5 Mac depan.

"Pemain ini ialah Stefan Nikolic berusia 30 tahun berasal dari Montenegro yang bakal beraksi di posisi serangan Melaka United FC musim ini.

"Manakala dua pemain tempatan baharu ialah pemain pertahanan berpengalaman yang juga bekas Kapten Kedah berusia 32 tahun, Khairul Helmi Johari dan pemain sayap lincah, Wan Zaharulnizam Wan Zakaria berusia 29 tahun dari Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Menandatangani Pemain Baharu MUFC di Seri Negeri, Ayer Keroh, pada 17 Februari lepas.

Sulaiman berkata, dengan pengalaman luas dimiliki kedua-dua pemain itu dalam

Liga Malaysia dengan gabungan pemain import serta pemain sedia ada, skuad Hang Tuah mampu memberi cabaran kepada pasukan lain.

"Ini termasuklah cabaran dalam Liga Malaysia musim ini sama ada dalam saingan Liga Super mahupun Piala Malaysia," katanya.

Untuk rekod Stefan Nikolic berhijrah dari kelab Bosnia Herzegovina, Krupa ber-

pengalaman beraksi bersama banyak kelab di sekitar negara Balkan dan Eropah seperti Serbia, Romania, Rusia, Poland, Croatia dan Bosnia.

Di peringkat antarabangsa, beliau pernah membarisi Skuad Kebangsaan Montenegro di peringkat bawah 19 dan 21 tahun dan MUFC menjadi kelab pertama pemain ini dalam Liga Malaysia dan Asia Tenggara.

e-Sports Melaka akan kembali rancak



PERKEMBANGAN SUKAN elektronik atau *e-Sports* kian mendapat perhatian umum, bukan sahaja diminati oleh golongan muda, malah ia turut mencakupi golongan pelbagai umur.

Ditambah pula kategori *e-Sports* juga termasuk dalam SUKMA 2022 (Sukan Malaysia), ia sekali gus menjadikan sukan tersebut terus mendapat perhatian dalam pembangunan sukan negara khususnya.

Sehubungan itu, Persatuan Sukan Elektronik Negeri Melaka (MEA) telah merangka pengajuran Liga MEA tidak lama lagi, yang bertujuan 'menggalas' tanggungjawab untuk memupuk minat, selain melahirkan atlet pelapis *e-Sports* negeri ini.

Presidennya Muhammad Hamka Mohd Ali, berkata pengajuran liga tersebut melibatkan tiga jenis permainan yang akan dianjurkan dalam SUKMA 2022 iaitu *Dota 2*, *Mobile Legends Bang Bang* (*MLBB*) dan *Pro Evolution Soccer* (*PES*).

"Menerusi pengajuran liga tersebut, kami berharap ia dapat memupuk minat di kalangan penggemar *e-Sports* untuk mengasah bakat taktikal permainan selain dapat melahirkan bakal atlet *e-Sports*



MUHAMMAD Hamka...
Penganjuran Liga MEA melibatkan tiga jenis permainan yang akan dianjurkan dalam SUKMA 2022 iaitu *Dota 2*, *MLBB* dan *PES*.

kami juga memberi fokus untuk melahirkan pengulus *e-Sports* dalam kalangan anak negeri ini, kerana umum sudah mengetahui bahawa menjadi pengulus juga boleh menjana pendapatan secara atas talian," jelasnya.

Tambahnya, pihaknya juga memberi perhatian kepada program kesedaran awam terutamanya melibatkan golongan ibu bapa, yang mana *e-Sports* sendiri mempunyai nilai prospek positif untuk jangka masa panjang tetapi haruslah melalui didikan yang betul.

Jangan 'peram' pemain muda

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PEMAIN muda harus diberikan pendedahan dalam saingan liga kompetitif jika mahu melahirkan lebih ramai bintang bola sepak dari Negeri Bersejarah, Melaka.

Pandangan itu dilontarkan bekas pemain tengah Melaka era 90-an, Datuk Ong Kim Swee ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) di kediamannya di Lorong Pandan, baru-baru ini.

Pengarah Teknikal Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) itu berkata, bagi menggilap permata bola sepak baharu, program akar umbi bola sepak harus diberikan tumpuan utama di negeri ini.

Katanya, menerusi program akar umbi itu, pendedahan berterusan perlu diberikan bagi mengelakkan bakat yang ada dipersia-



KIM SWEE... Pendedahan berterusan perlu diberikan bagi mengelakkan bakat yang ada dipersia-

kan. berpendahan lebih kerap termasuk membenarkan mereka beraksi dalam saingan liga-liga yang kompetitif.

"Melalui pendedahan sejak akar umbi ia akan membantu Melaka melahirkan pemain yang cukup berkualiti. Tetapi ingat, untuk ke arah itu, kita masih perlukan masa," katanya.

Mengulas lanjut, Kim Swee percaya Melaka kini berada dalam landasan tepat ke arah melahirkan lebih ramai pemain bola sepak handalan seperti legenda, Datuk Soh Chin Aun.

Menurutnya, Melaka kini dilihat semakin aktif menganjurkan liga-liga bola sepak di pelbagai peringkat, sekali gus memberi petanda positif ke arah pembangunan bola sepak yang lebih gemilang.

"Kita nampak banyak perubahan sejak kebelakangan ini. Jadi, saya berharap Melaka terus konsisten menganjurkan liga-liga bola sepak ke arah memajukan lagi industri bola sepak di negeri ini," ujarnya.

"Selepas itu, bakat-bakat ini perlulah di-

Sukan

>> MUFC IKAT PENYERANG MONTENEGRO

— Lihat muka 23




e-Sports Melaka >>
akan kembali rancak

— Lihat muka 23

KHAIRUL Helmi (tengah) dan Ott (dua dari kanan) ketika menjalani latihan bersama Melaka United. (Foto: MUFC)



Misi besar MUFC



Mohamad Fazrul Abdul Majid

PEMAIN baharu Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) melaungkan ikrar untuk membantu pasukan berada dalam kelompok lima terbaik Liga Super 2021.

Pemain pertahanan kelahiran Kedah, Khairul

Johari berkata, misi itu bukan mustahil dicapai memandangkan skuad Hang Tuah sudah melakukan persiapan rapi sejak awal musim.

Tonggak pertahanan Kedah sejak 2007 itu, bahkan percaya kudrat yang masih ada padanya bersama pemain lain mampu membawa MUFC

menghuni kedudukan tiga terbaik musim ini.

Diikutkan semua pasukan menyasarkan kedudukan lima terbaik, tetapi melihat kepada persiapan dan keserasian semua pemain, saya yakin kita boleh berada dalam kelompok tiga teratas.

“Apapun, saya akan cuba untuk memastikan benteng pertahanan pasukan terus ampuh dan kita tidak keciciran mata dalam saingan liga yang akan bermula Mac depan,” katanya.

Pemain sayap, Wan Zaharulnizam Wan Zarkia yang pertama kali menarung jersi Hijau Putih pula berharap ‘kepulangannya’ ke pasukan Liga Super akan membawa tuah buat pasukan.

“Sebelum ini saya beraksi dengan kelab Liga Premier dan alhamdulillah tahun ini saya berjaya kembali ke kancal Liga Super. Jadi, tekad saya ialah untuk lakukan yang terbaik demi membantu pasukan menjaringkan gol.

“Insya-Allah dengan sokongan padu daripada semua, kami yakin untuk menembusi tembok lima terbaik sepanjang aksi liga musim ini,” katanya yang mesra disapa ‘Kecik’.

Sementara itu, penyerang import baharu Melaka United Alex dos Santos Gonçalves pula menyatakan keterujaan apabila buat pertama kalinya beraksi dalam saingan Liga Malaysia musim ini.

Tonggak kelahiran Brazil itu mengakui tidak perlu berfikir panjang untuk menyertai MUFC

memandangkan dia banyak mendengar perkembangan positif kelab ini daripada rakannya yang pernah beraksi di Malaysia sebelum ini.

“Saya sangat gembira berada di sini. Terima kasih semua yang membantu saya untuk beraksi di Malaysia buat kali pertama. Ia suatu perasaan yang sukar digambarkan.

“Saya tidak boleh menjanjikan sesuatu yang besar, tetapi apa yang boleh saya katakan ialah saya akan berikan yang terbaik untuk menjaringkan seberapa banyak gol yang boleh bagi membantu pasukan musim ini,” katanya yang akan bergandingan dengan seorang lagi penyerang import dari Montenegro, Stefan Nikolic.

Bagi Manuel Gelito Ott, 28, yang akan beraksi di posisi tengah pula memaklumkan dirinya kian selesa bersama pasukan sejak tiba di Malaysia bulan lalu.

Pemain berdarah kacukan Filipina-Jerman itu turut yakin skuad dikendalikan Zainal Abidin Hassan mempunyai kualiti yang cukup untuk menyaingi kelab lain musim ini.

“Secara keseluruhan, pengalaman di sini cukup menarik memandangkan saya tidak berdepan masalah untuk menyesuaikan diri bersama semua pemain.

“Boleh dikatakan kami mempunyai persefahaman yang baik dan saya sangat teruja untuk memulakan musim ini dengan kecemerlangan,” katanya.

Jangan ‘peram’ pemain muda

PEMAIN muda harus diberikan pendedahan dalam saingan liga kompetitif jika mahu melahirkan lebih ramai bintang bola sepak dari Negeri Bersejarah, Melaka.

— Lihat muka 23

